SARI BEKALAN

MENUJU HARI PENGADILAN

TERJEMAHAN PREPARING FOR
THE DAY OF JUDGEMENT

IMAM IBN HAJAR AL-'ASQALANI

PENTERJEMAH
AMIR ZAYYANID





SARI BEKALAN

MENUJU HARI PENGADILAN

TERJEMAHAN PREPARING FOR
THE DAY OF JUDGEMENT

IMAM IBN HAJAR AL-'ASQALANI

قوستاك كتبخانه

SARI BEKALAN

MENUJU HARI PENGADILAN

Cetakan Pertama 2019
Amir Zayyanid



PUSTAKA KUTUBKHANAH
Batu Pahat, Johor, Malaysia.
teratakkhanah.blogspot.com
www.facebook.com/TeratakKutubkhanah
pustaka.khanah@gmail.com
+6013-7885292

Dedikasi ~

Buat seluruh pembaca dan penuntut ilmu.
Semoga manfaat yang terkandung di dalam buku digital ini dapat diambil dan diamalkan untuk kebaikan di dunia dan akhirat.

ISI KANDUNGAN

TENTANG PENGARANG

Abu al-Fadl Shihab ad-Din Ahmad ibn ‘Ali al-Kannani al-‘Asqalani, lebih dikenali sebagai Imam Ibn Hajar, dilahirkan di Kaherah (Cairo) pada tahun 773H/1372M. Beliau memulakan pendidikannya pada usia 5 tahun dan mengkhatamkan hafalan al-Qur’an menjelang usia 9 tahun.

Sebagai seorang ulama asy-Syafi’iyah dan guru hadis, beliau mendapatkan pengajian daripada ulama-ulama besar di Kaherah, Yaman dan Hijaz. Digelari Shaikhul-Islam, ramai ulama datang dari jauh untuk mengambil ilmu daripadanya.

Dilantik ke jawatan ketua hakim beberapa kali, beliau telah mengarang lebih dari 50 karya berkenaan ilmu hadis, sejarah, biografi, tafsir al-Qur’an, syair, dan hukum-hakam Syafi’iyah; antara yang paling masyhur adalah ulasan 14 jilid ke atas kitab Sahih al-Bukhari yang dikenali sebagai Fath al-Bari. Imam Ibn Hajar al-Asqalani meninggal dunia di Kaherah pada tahun 852H/1449M.

KATA PENGANTAR

Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam. Dialah Pencipta dan Pelindung buat seluruh ciptaan. Selawat dan salam-Nya dicucurkan ke atas Rasul junjungan kita, Muhammad, keluarganya, para as-Sahabahnya, dan mereka yang mengiku mereka hingga Hari Kiamat.

Tatkala Allah yang Maha Agung, dalam hikmah-Nya yang tidak terbatas dan juga dalam rahmat ketuhanan-Nya, menciptakan roh manusia, Dia berkehendak agar Syurga menjadi kediaman abagi mereka. Namun, perjalanan menuju mahligai abadi ini sesungguhnya penuh dengan cubaan – baik cubaan dari keindahan dunia, baik cubaan dari gejolak kehendak nafsu kita, atau cubaan dari bisikan-bisikan syaitan.

Melalui penyediaan bekal yang rapi bagi menghadapi perjalanan inilah makanya kita akan – dengan rahmat Allah – dibawa menuju ke Syurga. Persediaan ini didasarkan kepada pemahaman terhadap wahyu-wahyu yang diperturunkan dan mengamalkan ajaran-ajaran-Nya dalam kehidupan seharian.

Banyak jiwa mulia lagi kuat pula azamnya telah menempuh perjalanan ini, dan apa yang termuat dalam helaian-helaian buku ini merupakan beberapa untaian nasihat berharga yang menjadi isyarat buah hasil perjalanan mereka itu. Junjungan Nabi kita ada bersabda, "Hikmah adalah hal yang hilang dari mukmin. Jika dia menemuinya, maka dialah orang yang paling layak memilikinya."

Buku ini merupakan sebuah himpunan indah yang mengandungi beberapa petikan sabda Nabi, kata-kata para as-Sahabah, dan alim-warak serta ahli zuhud yang telah mendahului kita. Merenungi untaian hikmah dan mematuhi pesanan dan nasihat tersebut akan dapat membantu dalam memperkuatkan kita, menyedarkan kita, dan mengghairahkan kita untuk mempersiapkan bekal bagi menghadapi Hari Kiamat.

Sesungguhnya, kita benar-benar memerlukan nasihat-nasihat sedemikian. Hal ini kerana Hari Kiamat kita tidak bermula ketika dunia ini berakhir. Akan tetapi ia bermula apabila kehidupan kita menuju penghujungnya – yang pastinya itu satu hal yang tidak boleh dielakkan – sebagaimana yang telah disabdakan oleh Rasulullah.

Pengarang, iaitu Imam Ibn Hajar al-Asqalani – seorang ulama besar, terutama dalam bidang hadis – menggunakan pendekatan yang tersendiri dalam menghimpunkan kata-kata ini. Beliau menyusun dengan kemas untaian tersebut; memulakan setiap bab dengan sabdaan baginda Nabi, diikuti oleh kata-kata para sahabat dan kemudian oleh alim-warak yang mendahului kita. Penyusunan ini mengisyaratkan kedalaman ilmu yang dimilikinya.

Semoga hikmah-hikmah yang dimuatkan di dalam buku ini dapat menerangkan hati kita, membuka mata kita, dan membangunkan kita dari keadaan yang alpa terhadap tugas sebenar kewujudan kita di dunia ini – iaitu persediaan (pencarian bekal) bagi menghadapi Hari Kiamat, sebagaimana firman Allah: “Sesungguhnya, bukanlah mata itu yang buta. Akan tetapi yang buta itu adalah hati di dalam dada.”

Imam Hasan al-Banna
Julai 2004
London, UK.


ALU-ALUAN PENTERJEMAH

Segala kepujian dan kesyukuran dikembalikan kepada pemilik mutlak-Nya, Allah SWT. Dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, saya dapat menyiapkan penterjemahan ini. Selawat dan salam juga saya sampaikan kepada junjungan Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda, para sahabat baginda, Tabi' Tabi'in dan sekalian mereka yang mengikuti mereka dari awal hingga akhir.

Sari Bekalan menuju Hari Pengadilan merupakan penterjemahan kepada Preparing for the Day of Judgement, iaitu naskhah terjemahan Bahasa Inggeris bagi kitab asal yang diusahakan oleh Imam Hassan al-Banna. Manuskrip ini memuatkan sejumlah 212 untaian kata-kata pesanan, nasihat, teguran dan peringatan yang dipetik daripada sabdaan baginda Nabi, ucapan para sahabat dan tutur kata alim-ulama dahulu kala. Semoga mutiara-mutiara tersebut dapat diambil dan dimanfaatkan oleh kita semua sebagai bekalan menuju hari pengadilan yang pasti.

Seandainya terdapat sebarang kesilapan dalam penterjemahan ini, saya menyusun sepuluh jari memohon maaf dan berharap agar ianya dapat dimaklumkan demi penambahbaikan di masa akan datang. Mengakhiri alu-aluan ini, saya mengucapkan selamat membaca!

Amir Zayyanid (Saidi Saiful Bahri)
Jumaat, 9:50 malam,
6 Muharram 1441H,
(6 September 2019M),
Sri Gading, Batu Pahat, Johor Darul Takzim.



Muka hadapan buku Preparing for the day of judgement

BACAAN NIAT TAKLIM

الْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَلَمِين

(Alhamdulillahi robbil 'alamin)

Segala kepujian bagi Allah, Tuhan sekalian alam.

نَوَيْتُ التَّعَلّمَ وَالتَّعْلِيم

(Nawaytu at-ta'alluma wat-ta'lim)

Aku berniat mencari ilmu dan mengajar.

وَالتَّذَكّرَ وَالتَّذْكِير

(Wat-tadzakkura wat-tadzkir)

Mengingatkan dan diingatkan.

وَالنَّفْعَ وَلِإنْتِفَاع

(Wan-naf'a wal intifa')

Memberi manfaat dan mengambil manfaat.

وَالْإفَادَةَ وَالْإسْتِفَادَة.

(Wal ifadah wal istifadah)

Memberi dan mengambil faedah.

وَالْحَثّ عَلَى التَّمَسّكِ بِكِتَابِ اللّٰهِ

(Wal hatstsa 'alat-tamassuki bi kitabillahi)

Dan mendorong manusia berpegang kepada kitab Allah SWT.

وَسُنَّةِ رَسُولِهِ
(Wa sunnati rasulihi)
dan Sunnah Rasul-Nya.

وَالدّعَاءَ إلَى الْهُدَى
(Wad-du'a a ilal huda)
Dan mengajak kepada jalan petunjuk,

وَالدَّلَالَةَ عَلَى الْخَيْرِ
(Wad-dalalata 'alal khayr)
serta membawa kepada kebaikan.

إبْتِغَاءَ وَجْهِ اللّٰهِ وَمَرْضَاتِهِ
(Ibtigha'a wajhillahi wa mardhotih)
Semata-mata ingin mencapai pandangan Allah keredhaan-Nya,

وَقُرْبِهِ وَثَوَابِهِ سبحانَهُ وَتَعَلَى
(Wa qurbihi wa tsawabih subhanahu wa ta'ala)
dan mendekatkan diri kepada-Nya dan mengharap pahala Nya,
Maha Suci-Nya dan Maha Tinggi-Nya.


ڤوستاك كتبخانه

NASIHAT DALAM DUA

1. Diriwayatkan bahawa baginda Nabi bersabda: “Terdapat dua sifat, tidak ada sifat yang lebih baik daripadanya iaitu beriman kepada Allah dan membawa manfaat kepada Muslim. Terdapat dua sifat, tidak ada sifat yang lebih buruk daripadanya iaitu syirik kepada Allah dan membawa bahaya kepada Muslim.”

2. Baginda Nabi bersabda: “Duduklah bersama ulama’ dan dengarlah percakapan ahli hikmah, kerana sesungguhnya Allah yang Maha Tinggi itu menghidupkan hati yang mati dengan cahaya hikmah sebagaimana Dia menghidupkan tanah yang gersang dengan air hujan.”

3. Abu Bakar as-Siddiq berkata: “Barangsiapa memasuki kubur tanpa sebarang bekal adalah seperti dia berhajat untuk berlayar tanpa memiliki kapal.

4. ‘Umar ibn al-Khattab berkata: "Kemuliaan di dunia ini terletak pada harta, sementara kemuliaan di akhirat terletak pada amalan yang hak."

5. *‘Uthman ibn ‘Affan berkata:* “Risau mengenai hal dunia adalah (tanda) kegelapan dalam hati, sementara risau mengenai hal akhirat adalah (tanda) cahaya dalam hati.”

6. ‘Ali ibn Abi Talib berkata: “Barangsiapa mengejar ilmu, maka syurga akan mengejarnya. Dan barangsiapa mengejar keingkaran, maka neraka akan mengejarnya.”

7. Yahya ibn Muadz berkata: “Insan yang mulia itu tidak akan pernah ingkar kepada Allah, dan insan yang bijaksana pula tidak akan pernah mengutamakan urusan dunia berbanding urusan akhirat.”

8. Al-A’mash berkata: “Barangsiapa (meletakkan) tumpuannya adalah (pada) takwa, maka lidah tidak akan mampu menghitung keuntungan imannya, dan barangsiapa tumpuannya adalah dunia, maka lidah tidak akan mampu menjelaskan kerugian imannya.”

9. Sufyan at-Tsawri berkata: “Setiap amal ingkar yang dilakukan atas dasar nafsu, maka pengampunan (atas keingkaran itu) mempunyai pengharapan. Setiap amal ingkar yang dilakukan atas dasar keangkuhan, maka pengampunannya tidak mempunyai harapan kerana akar keingkaran syaitan adalah keangkuhan, sementara akar kealpaan Adam adalah nafsu.”

10. Seorang ahli zuhud berkata: “Barangsiapa berbuat dosa sambil ketawa, Allah akan memasukkannya ke dalam neraka dalam keadaan dia menangis. Barangsiapa taat sambil menangis (kerana takut kepada Allah), Allah akan memasukkannya ke dalam syurga dalam keadaan dia ketawa.”

11. Seorang ahli hikmah berkata: “Jangan perkecilkan dosa-dosa kecil, kerana sesungguhnya daripada merekalah membesarnya dosa-dosa besar.”

12. Baginda Nabi bersabda: "Tidak ada dosa yang kekal kecil bilamana disertai dengan keseringan, dan tiada dosa yang kekal besar bilamana disertai dengan istighfar."

13. Diperkatakan: "Arifin memenuhkan diri dengan memuji Allah, sementara zahidin (ahli zuhud) memenuhkan diri dengan doa. Hal ini kerana kerisauan arifin itu adalah terhadap Tuhannya, sementara kerisauan zahidin itu adalah terhadap nafsunya."

14. Seorang ahli zuhud pernah berkata: "Barangsiapa terpedaya bahawa dia memiliki teman yang lebih akrab berbanding Allah, maka sedikitlah pengetahuannya tentang Allah. Barangsiapa terpedaya bahawa dia memiliki musuh yang lebih besar berbanding nafsunya, maka sedikitlah pengetahuannya tentang nafsunya."

15. Abu Bakar as-Siddiq berkata mengenai ayat al-Qur'an:
"Kerosakan berlaku di darat dan laut", "Darat merujuk kepada lisan dan laut merujuk kepada hati. Sekiranya lisan rosak, manusia akan menangisinya. Sementara sekiranya hati rosak, malaikat akan menangisinya."

16. Diperkatakan: "Sesungguhnya nafsu itu mengubah seorang raja menjadi seorang sahaya sementara sabar itu mengubah seorang sahaya menjadi seorang raja… Tidakkah kamu melihat kisah Yusuf dan Zulaikha?"

17. Diperkatakan: “Khabar gembira buat orang-orang yang ilmu pengetahuan adalah tuannya dan kehendak nafsu adalah sahayanya. Dan khabar duka buat orang-orang yang kehendak nafsu adalah tuannya dan ilmu pengetahuan adalah sahayanya.”

18. Juga diperkatakan: “Barangsiapa meninggalkan dosa, maka hatinya akan dilembutkan, dan barangsiapa meninggalkan yang haram dan makan yang halal, maka ilmu pengetahuannya akan dicerahkan.”

19. Allah mewahyukan kepada salah seorang Nabi-Nya: “Taatilah Aku dalam hal yang telah Aku perintahkan pada kamu, dan jangan ingkari Aku dalam hal yang telah Aku jelaskan pada kamu.”

20. Diperkatakan: “Kesempurnaan ilmu pengetahuan itu terletak pada ketaatan terhadap keredhaan Allah dan penghindaran dari kemurkaan-Nya.”

21. Diperkatakan: “Tiada negeri buangan bagi orang-orang yang berilmu, dan tiada tanah air bagi orang-orang yang jahil.”

22. Diperkatakan: “Barangsiapa dekat kepada Allah dikeranakan ketaatannya, maka dia akan menjadi orang yang paling aneh dalam kalangan manusia.”

23. Diperkatakan: “Pergerakan menuju ketaatan adalah bukti pengetahuan, sebagaimana pergerakan tubuh badan adalah bukti (tubuh itu) bernyawa.”

24. Baginda Nabi bersabda: “Akar kepada semua dosa adalah cinta dunia dan akar kepada seluruh bencana adalah penangguhan cukai dan zakat.”

25. Diperkatakan: “Barangsiapa mengaku kekurangannya maka dia akan sering dipuji, dan mengaku kekurangan itu adalah tanda diterimanya dia itu oleh Allah.”

26. Diperkatakan: “Tidak mensyukuri nikmat adalah (satu perkara yang) tidak munasabah dan perkumpulan orang jahil itu adalah suatu kecelakaan.”

27. Seorang penyair berkata:

“Hai (orang) yang sibuk dengan dunia!
yang diperdaya dengan hayat yang lama,
Akankah dia tidak taat,
hingga ajalnya datang mendekat?
Sungguh kematian tiba tanpa disangka,
dan kubur adalah kotak himpunan amal dunia.
Bersabarlah terhadap dunia dan kepayahannya,
tiada kematian melainkan pada ajal masa.

NASIHAT DALAM TIGA

1. Diriwayatkan bahawa baginda Nabi bersabda: "Barangsiapa bangun pada waktu pagi dan merungut mengenai kekurangan (dalam) hidup, maka seakan-akan dia (sedang) merungut terhadap Tuhannya. Barangsiapa bangun dan bersedih atas urusan dunia, maka seakan-akan dia bangun dan marah terhadap Tuhannya. Dan barangsiapa merendahkan diri di hadapan lelaki kaya disebabkan oleh kekayaannya, maka dia akan kehilangan 2 daripada 3 agamanya."

2. Abu Bakar as-Siddiq berkata: "Terdapat tiga perkara yang tidak boleh diraih menerusi tiga perkara yang lain – iaitu harta dengan harap; kemudaan dengan menghitamkan rambut; dan kesihatan dengan ubat."

3. 'Umar ibn al-Khattab berkata: "Pergaulan yang baik dengan manusia adalah separuh dari kebijaksanaan, pertanyaan yang baik adalah separuh dari ilmu pengetahuan, dan perancangan yang baik adalah separuh dari nafkah."

4. 'Uthman ibn 'Affan berkata: "Barangsiapa meninggalkan (kecintaan terhadap) dunia, maka Allah yang Maha Tinggi akan mencintainya. Barangsiapa meninggalkan (perbuatan) dosa, maka para malaikat akan mencintainya. Barangsiapa tidak berkehendak atas hak-milik Muslim (lain), maka kaum Muslimin akan mencintainya."

5. 'Ali ibn Abi Talib berkata: "Sesungguhnya dari sekalian nikmat-nikmat dunia, memadai Islam sebagai nikmat. Sesungguhnya, dari sekalian kesibukan, memadai ketaatan sebagai kesibukan. Dan sesungguhnya, dari sekalian bentuk permuhasabahan diri, memadai kematian sebagai sebab."

6. 'Abdullah ibn Mas'ud berkata: "Betapa ramai manusia diperdayakan dengan nikmat-nikmat yang bercucuran ke atas mereka. Betapa ramai manusia diuji dengan puji-pujian yang dilontarkan kepadanya. Dan betapa ramai manusia ditipu oleh perasaan berasa selamat daripada (kemurkaan) Allah hanya kerana Allah menyembunyikan dosa-dosa (aib) mereka."

7. Nabi Daud berkata: "Diwahyukan kepadaku dalam kitab Zabur bahawa manusia yang waras seharusnya menyibukkan dirinya hanya dengan tiga perkara – iaitu menyediakan bekal bagi menghadapi hari kiamat; mencari nafkah untuk kehidupannya; dan mencari kesenangan dalam hal-hal yang diizinkan."

8. Abu Hurairah meriwayatkan bahawa baginda Nabi bersabda:
"Terdapat tiga penyelamat dan tiga penghancuran, tiga (ketinggian) darjat dan tiga pelepasan. Mengenai penyelamat, ia adalah takut kepada Allah yang Maha Tinggi baik dalam sembunyi mahupun nyata; berbelanja dengan sederhana baik dalam miskin mahupun kaya; dan adil dalam hati yang gembira mahupun murka. Mengenai penghancuran, ia adalah kebakhilan yang melampau, menuruti kehendak nafsu, dan bangga diri.

Mengenai (ketinggian) darjat, ia adalah menyebarkan salam; menyediakan makanan (untuk tetamu, golongan miskin dan memerlukan), dan solat malam ketika manusia sedang tidur. Mengenai pelepasan, ia adalah berwuduk pada malam yang sejuk; berjalan menuju solat berjemaah; dan menunggu solat fardhu yang seterusnya setelah selesai mendirikan solat fardhu."

9. Jibril berkata: "Wahai Muhammad! Hiduplah selama mana kamu hidup, kerana kamu pasti akan mati. Cintailah sesiapa sahaja yang kamu hajatkan, kerana kamu pasti akan meninggalkan mereka. Dan buatlah apa sahaja yang kamu inginkan, kerana kamu pasti akan dibalas dengan setimpal."

10. Baginda Nabi bersabda: "Terdapat tiga golongan yang Allah akan naungi dengan Arasy-Nya pada hari di mana tiada naungan melainkan naungan-Nya – iaitu orang yang berwuduk dalam keadaan uzur; orang yang berjalan ke masjid dalam keadaan gelap; dan orang yang memberi makan kepada orang yang sedang lapar."

11. Diperkatakan kepada Nabi Ibrahim: "Mengapa Allah menjadikan kamu sebagai Khalil-Nya?" Baginda menjawab: "Kerana tiga perkara – aku selalu mengutamakan arahan Allah mendahului arahan selain-Nya; aku tidak pernah risau tentang sebarang perkara yang telah ditentukan oleh Allah untukku; dan aku tidak pernah makan melainkan bersama tetamu."

12. Seorang ahli hikmah berkata: "Terdapat tiga perkara yang dapat mengusir amarah – iaitu mengingati (zikir) Allah; bertemu para awliya'-Nya (orang-orang yang dekat kepada-Nya); dan berbicara dengan ahli zuhud."

13. Hasan al-Basri berkata: "Barangsiapa tidak memiliki adab maka tidak dapat memiliki ilmu pengetahuan. Barangsiapa tidak memiliki kesabaran maka tidak dapat memiliki agama. Dan barangsiapa tidak memiliki takwa maka tidak dapat memiliki kedekatan kepada Allah."

14. Diriwayatkan bahawa seorang lelaki Bani Israil keluar bermusafir untuk mencari ilmu dan hal ini sampai ke pengetahuan Nabi mereka. Maka, baginda pun memanggil lelaki tersebut dan berkata kepadanya:
"Wahai pemuda! Aku akan beritahu pada kamu tiga perkara yang padanya terletak ilmu pengetahuan orang-orang terdahulu dan akan datang – iaitu takut kepada Allah baik dalam sembunyi mahupun nyata; tahan lidah kamu darii berbicara mengenai orang melainkan hal kebaikan; dan pastkan roti yang kamu makan itu halal." Sebaik sahaja mendengar nasihat tersebut, pemuda itu tidak jadi keluar (mencari ilmu)."

15. Diriwayatkan bahawa seorang lelaki Bani Israil mengumpulkan 80 buah peti yang dipenuhi dengan lembaran dan buku tentang pelbagai ilmu pengetahuan, tetapi tidak ada manfaat yang diperoleh dari ilmu-ilmu tersebut. Allah yang Maha Tinggi kemudian mewahyukan kepada Nabi mereka untuk berkata kepada si pengumpul itu:

“Andai kamu kumpulkan segala lembaran dan buku ini, ia tidak akan memberi manfaat kepada kamu melainkan kamu melakukan tiga perkara – iaitu jangan cintakan dunia kerana dunia bukan rumah untuk orang mukmin; jangan berkawan dengan syaitan kerana syaitan bukan teman untuk orang mukmin; dan jangan sakiti sesiapa kerana itu bukan gaya seorang mukmin.”

16. Diriwayatkan bahawa Abu Sulayman ad-Darani berkata dalam doanya: “Wahai Tuhanku, jika Engkau bertanya padaku mengenai dosaku yang banyak ini, aku pasti akan memohon pengampunan-Mu. Jika Engkau bertanya padaku mengenai kebakhilanku ini, aku pasti akan memohon kepemurahan-Mu. Dan jika Engkau masukkanku ke dalam neraka, aku psati akan maklumkan pada penghuni neraka bahawa aku cintakan Engkau.”

17. Diperkatakan: “Manusia yang paling bahagia adalah manusia yang mempunyai hati yang ikhlas, tubuh yang sabar, dan kepuasan terhadap apa yang dimilikinya.”

18. Ibrahim an-Nakha’i berkata: “Mereka yang dibinasakan sebelum kamu itu dibinasakan oleh kerana tiga sifat – iaitu berlebihan dalam berkata-kata; berlebihan dalam makan; dan berlebihan dalam tidur.”

19. Yahya ibn Muadz ar-Razi berkata: “Khabar gembira buat orang-orang yang meninggalkan dunia sebelum dunia meninggalkannya; bersedia untuk memasuki kuburnya sebelum dia memasukinya; dan meredhakan Tuhannya sebelum dia bertemu dengan-Nya.”

20. 'Ali ibn Abi Talib berkata: "Barangsiapa tidak memiliki sunnah Allah, sunnah Rasul-Nya, dan sunnah orang-orang yang dipilih-Nya, maka dia tidak memiliki apa-apa." Beliau dtitanya: "Apakah itu sunnah Allah?" Beliau menjawab: "Memelihara rahsia." Beliau ditanya: "Apakah itu sunnah Rasulullah?" Beliaumenjawab: "Berlemah-lembut dengan manusia." Beliau ditanya: "Apakah itu sunnah orang-orang yang dipilih-Nya?" Beliau menjawab: "Memikul bahaya manusia (menghindarkan bahaya dari menimpa manusia lain)."

21. 'Ali ibn Abi Talib berkata: "Umat sebelum kami lazim menasihati sesama mereka tentang tiga perkara – iaitu barangsiapa bekerja untuk akhiratnya, maka Allah akan menguruskan hal agama dan dunia untuknya; barangsiapa mengindahkan diri dalamannya, maka Allah akan mengindahkan diri luarannya (rupa parasnya); dan barangsiapa membaiki hubungan antara dirinya dengan Allah; maka Allah akan membaiki hubungan antara dirinya dengan manusia."

22. 'Ali ibn Abi Talib berkata: "Jadilah kamu pada pandangan Allah sebagai manusia yang terbaik; dan pada pandangan nafsumu sebagai manusia yang paling buruk; dan pada pandangan manusia sebagai seorang lelaki biasa dalam kalangan mereka."

23. Diperkatakan bahawa Allah mewahyukan kepada Nabi Uzair:
"Wahai Uzair! Jika kamu melakukan dosa kecil, jangan melihat pada kekecilannya, sebaliknya lihatlah kepada Siapa kamu berdosa. Sekiranya kamu dikurniakan nikmat yang kecil, jangan melihat pada

kekecilannya, sebaliknya lihatlah kepada Siapa kamu berdosa. Sekiranya kamu dikurniakan nikmat yang kecil, jangan melihat pada kekecilannya, sebaliknya lihatlah Siapa yang mengurniakannya. Dan sekiranya sebuah bencana menimpa kamu, jangan merungut kepada ciptaan-Ku tentang Aku, sebagaimana Aku tidak merungut kepada malaikat-malaikat-Ku ketika amal-amal buruk kamu diangkatkan kepadaku."

24. Hatim al-Asam berkata: "Tiada pagi yang berlalu kecuali syaitan berkata kepadaku: "Apa yang kamu makan? Apa yang kami pakai? Di mana kamu tinggal?" Maka aku akan berkata kepadanya: "Aku makan kematian. Aku memakai kain kafan. Aku tinggal di dalam kubur."

35. Baginda Nabi bersabda: "Barangsiapa keluar dari kehinaan perbuatan ingkar dan memasuki kemuliaan dengan berbuat ketaatan, maka Allah yang Maha Tinggi akan menjadikannya kaya tanpa harta, menguatkannya tanpa tentera, dan memuliakannya tanpa pengikut."

26. Diriwayatkan bahawa baginda keluar menuju para sahabatnya dan bersabda: "Bagaimana keadaan kamu pada pagi ini?" Mereka membalas: "Kami dalam keadaan beriman kepada Allah." Baginda bersabda: "Apakah tanda iman kamu?" Mereka membalas: "Kami bersabar pada masa-masa susah; bersyukur pada masa-masa senang; dan berpuas hati dengan apa sahaja yang telah ditakdirkan untuk kami (rezeki)." Baginda bersabda: "Demi Tuhan Ka'bah, kalianlah mukmin sejati!"

27. Allah meriwayatkan kepada salah seorang Nabi-Nya: "Barangsiapa bertemu dengan-Ku (di akhirat) dalam keadaan mencintai-Ku, maka Aku akan masukkannya ke dalam syurga-Ku. Barangsiapa bertemu dengan-Ku dalam keadaan takut kepada-Ku, maka Aku akan selamatkannya dari neraka-Ku. Dan barangsiapa bertemu dengan-Ku dengan berasa malu atas dosa-dosanya, maka Aku akan memerintahkan malaikat yang mencatat amalnya itu agar melupakan dosa-dosanya."

28. Abdullah ibn Mas'ud berkata: "Penuhi apa yang Allah wajibkan ke atas kamu, maka kamu akan menjadi pengibadah yang paling baik. Kekang diri kamu dari apa yang diharamkan oleh Allah dari kamu, maka kamu akan menjadi ahli zuhud yang paling baik. Dan berpuas hatilah dengan apa yang telah Allah tentukan buat kamu, maka kamu akan menjadi manusia yang paling kaya."

29. Salih al-Marqadi pernah melalui beberapa buah rumah dan berkata: "Di mana penghuni yang paling terdahulu dari kalian? Di manakah penghuni dari orang-orang berusia di antara kalian?" Maka beliau terdengar sebuah suara berkata: "Peninggalan mereka sudah berakhir; di bawah tanah tubuh mereka mereput; dan amalan-amalan mereka kekal sebagai rantai yang mengelilingi leher mereka."

30. 'Ali ibn Abi Talib berkata: "Hulurkanlah pemberian kepada sesiapa sahaja yang kamu hajatkan, maka kamu akan menjadi tuan kepadanya. Mintalah dari sesiapa sahaja yang kamu hajatkan, maka kamu akan menjadi tawanannya. Dan janganlah meminta bantuan dari sesiapa sahaja dari kalangan yang kamu hajatkan (sembarangan), maka kamu akan menjadi setara dengannya."

31. Yahya ibn Muadz berkata: "Meninggalkan segala hal dunia adalah mengambil seluruh hal dunia. Barangsiapa meninggalkan segala hal dunia sebenarnya telah mengambil segala hal dunia. Dan barangsiapa mengambil segala hal dunia sebenarnya telah meninggalkan segalanya. Maka, mengambil hal dunia sebenarnya adalah meninggalkannya, dan meninggalkan hal dunia sebenarnya adalah mengambilnya."

32. Diperkatakan kepada Ibrahim ibn al-Adham: "Bagaimana kamu meraih zuhud?" "Melalui tiga perkara," jawabnya: "Aku melihat bahawa kubur itu suatu hal yang sunyi dan aku tidak akan memiliki teman di dalamnya. Aku melihat perjalanan itu jauh sementara aku tiada bekal. Dan aku melihat (Allah) yang Maha Berkuasa akan menjadi Hakim sementara aku tidak memiliki hujah yang kuat (untuk melindungi diri)."

33. Shibli berkata: "Sekiranya kamu menjumpai keindahan dalam pertautan (kedekatan) dengan Allah, maka kamu pasti akan memutuskan pertautan dengan nafsu kamu." Dan beliau berkata: "Jika kamu telah merasai kemanisan berada dekat dengan Allah, maka kamu akan mengetahui kepahitan berada jauh daripada-Nya."

34. Sufyan at-Tsawri ditanya mengenai kemanisan berada dekat dengan Allah yang Maha Tinggi. Beliau membalas: “Kemanisan itu adalah kamu tidak menjumpai keindahan pada wajah yang cantik; kamu tidak menjumpai keindahan pada suara yang merdu; atau kamu tidak menjumpai keindahan pada lidah yang fasih.”

35. Ibn ‘Abbas berkata: “Zuhud ditulis dari tiga huruf; z-h-d. ‘Z’ adalah zadun lil ma’ad (bekalan untuk akhirat). ‘H’ adalah hudan lil-din (bimbingan kepada agama). Dan ‘D’ adalah dawam ‘ala at-ta’a (kekekalan dalam ketaatan).”

36. Ibn ‘Abbas juga berkata: “Zuhud ditulis dari tiga huruf; z-h-d. ‘Z’ adalah untuk meninggalkan zina. ‘H’ adalah untuk meninggalkan hawa (nafsu), dan ‘D’ adalah untuk meninggalkan dunya (dunia ini).”

37. Seorang lelaki pernah mendatangi Hamid al-Laffaf dan berkata kepadanya: “Nasihatilah saya.” Beliau berkata: “Milikilah pembalut untuk agamamu, sepertimana al-Qur’an (mushaf) mempunyai pembalut.” Lelaki itu bertanya: “Dan apakah itu pembalut agama?” Beliau menjawab: “Meninggalkan berkata-kata melainkan perkara yang perlu; meninggalkan dunia melainkan perkara yang perlu; dan mengekang diri dari bergaul dengan manusia kecuali apabila perlu. Juga ketahuilah bahawa pati kezuhudan adalah mengekang diri dari perkara-perkara haram baik ianya kecil mahupun besar; memenuhi segala suruhan baik ianya mudah mahupun susah; dan meninggalkan hal-hal dunia ini untuk para penghuninya baik ianya besar mahupun kecil.”

38. Luqman al-Hakim berkata kepada anaknya: "Wahai anakku! Manusia itu daripada tiga perkara – satu daripada tiga untuk Allah, satu daripada tiga untuk dirinya dan satu daripada tiga untuk cacing. Satu daripada tiga untuk Allah adalah rohnya (jiwanya); satu daripada tiga untuk dirinya adalah amalnya; dan satu daripada tiga untuk cacing adalah tubuh badannya."

39. 'Ali ibn Abi Talib berkata: "Tiga perkara yang menguatkan ingatan dan membuang kahak – iaitu siwak, berpuasa dan membaca al-Qur'an."

40. Ka'ab al-Ahbar berkata: "Kubu-kubu untuk orang mukmin adalah tiga perkara – masjid adalah kubu; mengingati (zikir) Allah adalah kubu; dan membaca al-Qur'an adalah kubu."

41. Seorang ahli hikmah berkata: "Tiga perkara daripada khazanah Allah yang Maha Tinggi yang Dia tidak berikan kecuali kepada orang yang Dia cintai – iaitu kemiskinan, kesakitan dan kesabaran."

42. Ibn 'Abbas pernah ditanya: "Hari apakah yang terbaik? Bulan apakah yang terbaik? Amalan apakah yang terbaik?" Beliau menjawab: "Hari yang terbaik adalah hari Jumaat. Bulan yang terbaik adalah Ramadhan. Dan amalan yang terbaik adalah mengerjakan solat 5 waktu pada waktunya."

Tiga hari kemudian, ‘Ali mendengar soalan dan jawapan Ibn ‘Abbas. ‘Ali berkata: “Sekiranya ulama, ahli zuhud dan hakim dari Timur dan Barat ditanya, mereka tidak akan mempunyai jawapan sebaik jawapan Ibn ‘Abbas, melainkan aku berkata: “Amalan terbaik adalah yang Allah terima dari kamu. Bulan terbaik adalah bulan yang bertaubat nasuha kepada Allah. Dan hari terbaik adalah hari yang kamu meninggalkan dunia untuk bertemu dengan Allah yang Maha Tinggi dalam keadaan kamu seorang mukmin.”

43. Seorang penyair berkata:

Tidakkah kau lihat bagaimana dua yang silih-berganti (siang dan malam),
memenatkan kita sambil kita bersenda dalam nyata dan sembunyi?
Jangan percaya pada dunia dan kesenangannya ini,
kerana rumahnya bukanlah rumah yang hakiki.
Dan berusahalah demi manfaat dirimu sebelum mati,
dan janganlah terpedaya dengan ramainya taulan di sisi.

44. Diperkatakan: “Jika Allah menghendaki kebaikan buat hamba-Nya, maka Dia akan berikan kepadanya kefahaman dalam agama, mengurangkan keterpautannya pada dunia, dan mengurniakan padanya kesedaran terhadap kesalahan-kesalahannya.”

45. Baginda Rasulullah bersabda: “Aku dijadikan supaya cinta terhadap tiga perkara dari dunia ini – iaitu wangi-wangian, wanita, dan solat.” Para as-Sahabah duduk di samping baginda dan Abu Bakar berkata:

"Tuan bercakap benar, wahai Rasulullah! Aku dijadikan supaya cinta terhadap tiga perkara dari dunia ini – iaitu melihat wajah Rasulullah, dan mengahwinkan puteriku dengan Rasulullah." 'Umar pula berkata: "Kamu bercakap benar, wahai Abu Bakar! Aku dijadikan supaya cinta terhadap tiga perkara dari dunia ini – iaitu menyebarkan kebaikan, menegah kemungkaran, dan memakai jubah." 'Uthman kemudian berkata: "Kamu berkata benar, wahai 'Umar! Dan aku dijadikan supaya cinta terhadap tiga perkara dari dunia ini – iaitu memberi makan kepada orang yang lapar, memberi pakai kepada yang tiada, dan membaca al-Qur'an."

Ali pula berkata: "Kamu berkata benar, wahai 'Uthman! Aku dijadikan supaya cinta terhadap tiga perkara dari dunia ini – iaitu melayani tetamu, berpuasa pada musim panas dan berjihad dengan pedang."

Ketika mereka sedang berbicara, Jibril datang dan berkata: "Allah yang Maha Tinggi mengutusku apabila Dia mendengar perbicaraan kalian, dan Dia memerintahkan kalian agar bertanya kepadaku apakah yang aku cinta jika aku ini dari kalangan penghuni dunia." Rasulullah pun bertanya: "Jika kamu adalah penghuni dunia, maka apa yang akan kamu cintai?" Jibril menjawab: "Membimbing orang yang tersesat, menemani orang-orang asing, dan membantu keluarga yang ditimpa kesusahan." Beliau menyambung: "Tuhan yang Maha Mulia mencintai tiga perkara dari hamba-hamba-Nya: berusaha sehabis daya, menangis dalam kekesalan, dan bersabar pada masa-masa miskin."

46. Seorang ahli zuhud berkata: “Barangsiapa menganggap hanya pandangannya sahaja yang benar, maka dia akan terlencong. Barangsiapa menganggap dirinya kaya kerana berharta, maka dia akan dimiskinkan. Dan barangsiapa mencari kemuliaan menerusi makhluk, maka dia akan dihinakan.”

47. Seorang ahli zuhud berkata: “Buah ma’rifah (kenal pada Allah) ada tiga – iaitu berasa malu kepada Allah yang Maha Agung; mencintai-Nya dan menikmati kebersamaan (kedekatan) dengan-Nya.”

48. Baginda Nabi bersabda: “Cinta adalah dasar ma’rifah. Jujur (amanah) adalah tanda keimanan. Dan puncak keimanan adalah takwa dan berkecukupan dengan apa yang telah ditakdirkan oleh Allah yang Maha Agung.”

49. Sufyan ibn ‘Uyainah berkata: “Barangsiapa mencintai Allah, maka Allah akan jadikannya cinta kepada orang yang dicintai-Nya. Barangsiapa mencintai orang yang dicintai oleh Allah, maka Allah akan jadikannya cinta kepada apa yang membuatkan Allah mencintai orang yang dicintai-Nya. Barangsiapa cinta kepada apa yang membuatkan Allah mencintai orang yang dicintai-Nya, maka dia akan berhajat agar tiada sesiapa mengenalinya.”

50. Baginda Nabi bersabda: “Sebenar-benar cinta terletak pada tiga perkara – iaitu mengutamakan perucapan orang yang dicintainya lebih dari perucapan orang lain; mengutamakan kebersamaan dengan orang yang dicintainya berbanding kebersamaan dengan orang lain; dan mengutamakan kesenangan hati orang yang dicintainya berbanding kesenangan hati orang lain.”

51. Wahab ibn Munabbih al-Yamani berkata: “Tertulis di dalam
Taurat bahawa barangsiapa bersikap tamak maka pada hakikatnya dia itu miskin, walaupun dia memiliki seluruh dunai ini. Barangsiapa taat kepada Allah maka pada hakikatnya dia itu ditaati, walaupun dia adalah seorang sahaya. Dan barangsiapa berkecukupan (qana’ah) maka pada hakikatnya dia itu seorang yang kaya, walaupun dia sedang kelaparan.”

52. Seorang ahli hikmah berkata: “Barangsiapa mengenali Allah maka dia tidak akan mencari kesenangan hati dalam kebersamaan sesama makhluk. Barangsiapa mengenali dunia maka dia tidak akan berkeinginan apapun daripadanya. Dan barangsiapa mengenali penghakiman Allah yang Maha Agung maka dia tidak akan berasa perlu untuk mempamerkan ketidakpuasannya terhadap (ketentuan) Allah.”

53. Dzu al-Nun al-Misri berkata: Barangsiapa benar-benar takutkan
sesuatu, maka dia akan melarikan diri daripadanya. Barangsiapa benar-benar menghendaki sesuatu, maka dia akan mencarinya. Dan barangsiapa menjumpai kemanisan dalam kebersamaan dengan Allah, maka dia akan menjauhi nafsunya.”

54. Dzu al-Nun al-Misri berkata: "Barangsiapa mengenali Allah yang Maha Tinggi maka dia itu seorang tawanan; matanya bakal melihat, dan tindak-tanduknya untuk Allah itu banyak."

55. Beliau juga berkata: "Barangsiapa mengenal Allah itu bersikap patuh, hatinya sentiasa awas, dan tindak-tanduknya untuk Allah itu suci belaka."

56. Ibn Sulayman ad-Darani berkata: "Asal-usul setiap kebaikan di dunia dan akhirat adalah rasa takut kepada Allah. Kunci kepada dunia adalah kekenyangan. Dan kunci kepada akhirat adalah kelaparan."

57. Diperkatakan bahawa pengibadahan itu adalah satu pertukangan; pasarnya adalan kesendirian (uzlah); ibu kotanya adalah takwa; dan keuntungannya adalah syurga."

58. Malik ibn Dinar berkata: "Gaulkan tiga perkara dengan tiga perkara – iaitu ketinggian dengan kehinaan; ketamakan dengan kebercukupan (qana'ah); dan hasad dengki dengan nasihat yang ikhlas."

NASIHAT DALAM EMPAT

1. Baginda Rasulullah bersabda kepada Abu Dzar al-Ghifari: “Wahai Abu Dzar! Tampali kapal kerana laut itu dalam; ambil semua bekalan kerana perjalanan itu jauh; ringankan jalan kerana halangan-halangan itu payah; dan ikhlaskan amal-amal kamu kerana Yang Menghakimi kamu nanti adalah Yang Maha Melihat.”

2. Seorang penyair berkata: Suatu kewajipan atas manusia untuk bertaubat, namun meninggalkan dosa itu kewajipan yang lebih berat. Bersabar di kala susah itu sukar diamalkan, namun lebih sukar kehilangan peluang meraih ganjaran. Sungguh membingungkan masa yang terus berlalu. namun lebih membingungkan ketidaktaatan manusia tanpa jemu. Segala yang ditakdirkan akan tiba itu sungguh sedang mendekat, namun lebih dekat dari segalanya kematian yang tepat.

3. Seorang ahli zuhud berkata: “Empat perkara itu baik tetapi empat perkara yang lain itu lebih baik – kejujuran (amanah) itu baik pada lelaki, tetapi lebih baik jika ada pada wanita; keadilan itu baik pada orang awam, tetapi lebih baik jika ada pada pemerintah; taubat oleh orang berusia itu baik, tetapi lebih baik jika ada pada orang muda; dan kebercukupan (qana’ah) itu baik pada orang kaya, tetapi lebih baik jika ada pada orang miskin.”

4. Seorang ahli hikmah berkata: "Empat perkara itu buruk, tetapi empat perkara yang lain itu lebih buruk – berbuat dosa itu buruk jika datang dari seorang pemuda, tetapi lebih buruk jika datang dari seorang yang berusia; menyibukkan diri dalam keduniaan itu buruk jika datang dari manusia yang jahil, tetapi lebih buruk jika datang dari seorang bijakpandai; kemalasan dalam memenuhi tuntuan agama itu buruk jika datang dari orang awam, tetapi lebih buruk jika datang dari ulama dan tolib (pelajar ilmu); dan bangga diri itu buruk jika datang dari orang kaya, tetapi lebih buruk jika datang dari orang yang miskin."

5. Abu Bakar as-Siddiq berkata: "Empat perkara itu disempurnakan dengan empat perkara yang lain – iaitu solat disempurnakan dengan sujud sahwi; berpuasa (pada bulan Ramadhan) disempurnakan dengan sadaqat al-fitr (sedekah di hujung Ramadhan); haji disempurnakan dengan penyembelihan korban; dan iman disempurnakan dengan jihad."

6. 'Abdullah ibn al-Mubarak berkata: "Barangsiapa solat 12 rakaat pada setiap hari, maka dia telah memenuhi hak solat. Barangsiapa berpuasa tiga hari pada setiap bulan, maka dia telah memenuhi hak berpuasa.
Barangsiapa membaca 100 ayat pada setiap hari, maka dia telah memenuhi hak al-Qur'an. Dan barangsiapa memberi satu dirham dalam sedekah pada setiap Jumaat, maka dia telah memenuhi hak sedekah."

7. 'Umar al-Khattab berkata: "Terdapat empat jenis lautan – Gejolak ghairah adalah lautan dosa; nafsu adalah lautan kehendak; kematian adalah lautan kehidupan; dan kubur adalah lautan penyesalan."

8. 'Uthman ibn 'Affan berkata: "Aku menjumpai kemanisan beribadah dalam empat perkara – pertama dalam memenuhi suruhan Allah; kedua dalam menghindari larangan Allah; ketiga dalam menyebar kebaikan dengan niat meraih ganjaran Allah; dan keempat dalam menegah kejahatan kerana takutkan kemurkaan Allah."

9. 'Uthman ibn 'Affan juga berkata: "Terdapat empat perkara yang mana luarannya itu adalah suatu yang mulia tetapi dalamannya pula adalah satu tuntutan – berada dalam kebersamaan dengan orang-orang benar itu suatu hal yang mulia, tetapi mengikuti (taklid) kepada mereka itu adalah satu tuntutan; membaca al-Qur'an itu suatu hal yang mulia, tetapi bertindak bertepatan dengan suruhannya itu adalah satu tuntutan; menziarahi kubur itu suatu hal yang mulia, tetapi bersedia untuk menghadapi masa untuk memasukinya (mati) itu adalah satu tuntutan; menziarahi orang sakit itu suatu hal yang mulia; tetapi meminta nasihat daripada mereka itu adalah satu tuntutan."

10. 'Ali ibn Abi Talib berkata: "Barangsiapa mendambakan syurga, maka dia akan bergegas menuju amal-amal baik. Barangsiapa takutkan neraka, maka dia akan mengakhirkan kejahatannya. Barangsiapa memiliki iman yang teguh terhadap kematian, maka dia akan menghilangkan segala keghairahannya. Dan barangsiapa mengenali dunia, maka dia akan mendapati musibah itu suatu yang mudah untuk ditanggung."

11. Diperkatakan bahawa Allah mewahyukan kepada salah seorang Nabi-Nya dari Bani Israil: "Kekal diam berbanding berkata keji itu adalah berpuasa jika pada pandangan-Ku; mengawal tubuhmu dari bermaksiat adalah bersolat jika pada pandangan-Ku; menghilangkan segala sandaran harap kepada makhluk adalah bersedekah jika pada pandangan-Ku; dan mengekang diri dari menyakiti Muslim adalah berjihad jika pada pandangan-Ku."

12. 'Abdullah ibn Mas'ud berkata: "Empat perkara berikut adalah dari tanda gelapnya hati – perut yang penuh tanpa peduli (sama ada dari sumber yang halal atau haram); kebersamaan dengan penindas/penzalim; melupakan dosa-dosa lalu; dan terpedaya kononnya hayat seseorang itu pasti panjang. Tedapat empat perkara lain dari tanda terangnya hati – perut yang kosong kerana berhati-hati; kebersamaan dengan orang-orang benar; mengingati dosa-dosa lalu; dan tidak berharap untuk hidup lama."

13. Hatim al-Asam berkata: "Barangsiapa mendakwa empat perkara tanpa melakukan empat yang lain maka dia telah berdusta – barangsiapa mendakwa cintakan Allah namun belum mengekang diri dari melakukan larangan-larangan-Nya, maka dia telah berdusta. Barangsiapa mendakwa cintakan Nabi namun tidak mencintai golongan miskin dan memerlukan, maka dia telah berdusta. Barangsiapa mendakwa cintakan syurga namun belum bersedekah, maka dia telah berdusta. Dan barangsiapa mendakwa takutkan neraka namun belum meninggalkan perbuatan dosa, maka dia telah berdusta."

14. Baginda Nabi bersabda: "Tanda-tanda kecelakaan itu ada empat – melupakan dosa-dosa lalu sementara catatan-catatannya berada di sisi Allah yang Maha Agung; mengingati amal-amal lalu sementara seseorang itu tidak mengetahui sama ada amal itu diterima atau ditolak; melihat (mengejar) kedudukan yang tinggi di dunia; dan melihat (mengejar) kedudukan yang rendah dalam agama. Allah akan berfirman: "Aku mahukannya tetapi dia tidak mahukan-Ku. Justeru, Aku meninggalkannya." Tanda-tanda rahmat itu ada empat – mengingati dosa-dosa lalu, melupakan amal-amal lalu, melihat (mengejar) kedudukan tinggi dalam agama; dan melihat (mengejar) kedudukan rendah di dunia."

15. Seorang ahli zuhud berkata: "Hak iman itu ada empat – takwa (rasa bertuhan), rasa malu, bersyukur, dan sabar."

16. Baginda Nabi bersabda: "Ibu-ibu itu ada empat – ibu penyembuhan; ibu adab; ibu pengibadahan; dan ibu pengharapan. Ibu penyembuhan adalah makan dengan sedikit. Ibu adab adalah bercakap dengan sedikit. Ibu pengibadahan adalah berbuat dosa dengan sedikit. Dan ibu pengharapan adalah bersabar."

17. Baginda Nabi juga bersabda: "Terdapat empat permata dalam tubuh anak Adam yang dihapuskan oleh empat perkara – permata-permata itu adalah ilmu pengetahuan; agama; rasa malu; dan amal-amal baik. Marah menghapuskan ilmu pengetahuan; hasad dengki menghapuskan agama; kehendak menghapuskan rasa malu; dan mengumpat menghapuskan amal-amal baik."

18. Baginda juga bersabda: "Terdapat empat perkara di syurga yang lebih baik berbanding syurga itu sendiri – kekal abadi di dalam syurga itu lebih baik berbanding syurga; dilayan oleh malaikat-malaikat di dalam syurga itu lebih baik berbanding syurga; kebersamaan dengan para Nabi di dalam syurga itu lebih baik berbanding syurga; dan meraih keredhaan Allah di dalam syurga itu lebih baik berbanding syurga itu sendiri."

Terdapat empat perkara di neraka yang lebih buruk berbanding neraka itu sendiri – kekal abadi di dalam neraka itu lebih buruk berbanding neraka; pencelaan oleh malaikat-malaikat di dalam neraka itu lebih buruk berbanding neraka; kebersamaan dengan syaitan di dalam neraka itu lebih buruk berbanding neraka; dan kemurkaan Allah di dalam neraka itu lebih buruk berbanding neraka itu sendiri."

19. Bilamana seorang ahli zuhud ditanya: "Bagaimana keadaan kamu?" Maka beliau membalas: "Aku bersama Tuhanku dalam kepatuhan (kepada perintah-Nya); bersama nafsu dalam perseteruan (melawan kehendaknya); bersama makhluk dalam (memberi dan menerima) nasihat; dan bersama dunia dalam keperluan semata-mata."

20. Seorang ahli zuhud memilih empat pepatah dari empat buah Kitab Wahyu – daripada Taurat: "Barangsiapa berkecukupan dengan apa yang Allah berikan padanya, maka dia akan menjumpai pengistirehatan dalam dunia dan akhirat." Daripada Injil: "Barangsiapa menghapuskan kejahatannya, maka dia akan dimuliakan di dunia dan akhirat." Daripada Zabur: "Barangsiapa menyendiri jauh dari manusia,

maka dia akan menjumpai keselamatan di dunia dan akhirat." Dan daripada al-Qur'an: "Barangsiapa yang memelihara lidahnya, maka dia akan selamat di dunia dan akhirat."

21. 'Umar ibn al-Khattab berkata: "Aku bersumpah demi Allah! Aku tidak pernah diuji dengan kepayahan melainkan Allah mengurniakan kepadaku menerusi ujian itu empat rahmat – pertama bahawa aku tidak diuji dengan sebuah perbuatan dosa; kedua bahawa kepayahan itu tidaklah sebesar seperti ujian sebelumnya; ketiga bahawa aku tidak dihindari dari berasa berkecukupan dengan ujian itu; keempat bahawa aku berharap agar aku diganjari kerana ujian itu."

22. 'Abdullah ibn al-Mubarak berkata: "Seorang ahli hikmah mengumpulkan sejumlah kata-kata dan daripada himpunan itu, dia memilih 40 000 kata-kata. Daripada 40 000 dia memilih 4000. Daripada 4000 dia memilih 400. Daripada 400 dia memilih 40. Dan daripada 40 dia memilih 4 – iaitu pertama: "Jangan percayakan wanita dalam sebarang keadaan." Kedua: "Jangan diperdaya oleh harta dalam sebarang keadaan." Ketiga: "Jangan bebani perutmu dengan apa yang tidak mampu ditanggungnya." Dan keempat: "Jangan mengumpulkan ilmu yang tiada manfaat kepada kamu."

23. 'Ali ibn Abi Talib berkata: "Din dan dunya akan berterusan wujud selama mana empat perkara berikut wujud – selama mana orang kaya tidak bakhil dengan harta yang mereka dilebihkan; selama mana para ulama mengamalkan ilmu yang mereka pelajari; selama mana orang-orang jahil tidak angkuh tentang hal yang tidak dia ketahui;

dan selama mana orang-orang miskin tidak menjual akhirat untuk mendapatkan dunia."

24. Baginda Nabi bersabda: "Pada hari akhirat, Allah akan menggunakan empat manusia sebagai bukti (hujah) ke atas empat jenis manusia – Nabi Sulaiman sebagai hujah ke atas orang kaya; Nabi Yusuf sebagai hujah ke atas para sahaya; Nabi Ayyub sebagai hujah ke atas orang-orang sakit; dan Nabi 'Isa sebagai hujah ke atas orang-orang miskin."

25. Sa'ad ibn Bilal berkata: "Allah masih mengurniakan empat jenis rahmat ke atas hamba-hamba-Nya yang penuh dan berterusan melakukan dosa – Dia tidak mencantas rezekinya; Dia tidak mengurangkan kesihatannya; Dia tidak membuka dosanya sampai dilihat manusia lain; dan Dia tidak menyegerakan hukuman-Nya."

26. Hatim al-Asam berkata: "Barangsiapa menangguhkan empat perkara hingga empat perkara, maka dia akan mendapatkan syurga – menangguhkan tidur hingga masuk kubur; menangguhkan berbangga diri hingga amalnya dihisab; menangguh pengistirehatan hingga merentasi titian sirat; dan menangguh kehendak hingga memasuki syurga."

27. Hamid al-Laffaf berkata: "Kita mencari empat perkara di dalam empat perkara dan gagal menjumpainya di sana, akan tetapi menjumpainya dalam empat perkara yang lain –

kita mencari kekayaan dalam duit tetapi menjumpainya dalam kebercukupan (qana'ah); kita mencari ketenangan dalam kemewahan tetapi menjumpainya dalam kemiskinan; kita mencari kesenangan dalam kelimpahruahan tetapi menjumpainya dalam kesihatan; dan kita mencari rezeki di bumi dan menjumpainya di langit."

28. 'Ali ibn Abi Talib berkata: "Empat perkara yang sedikitnya itu tetap terasa banyak – kesakitan; kemiskinan; api; dan permusuhan."

29. Hatim al-Asam berkata: "Empat perkara yang tidak dihargai kecuali oleh empat golongan manusia – masa muda tidak dihargai kecuali oleh golongan berusia; kebebasan dari kekhuatiran tidak dihargai kecuali oleh orang yang ditimpa musibah; kesihatan tidak dihargai kecuali oleh orang yang sakit; dan hidup tidak dihargai kecuali oleh orang yang telah mati."

30. Penyair Abu Nawwas berkata:

Dosa-dosaku, jika kufikirkannya, terlalulah banyak.
Namun rahmat Tuhanku lebih luas berbanding di benak.
Aku tidak harapkan keselamatan dari amal-amal yang kulakukan.
Sebaliknya pada rahmat Allah aku sandarkan harapan.
Dialah Allah Tuhanku, yang Menciptaku.
Dan aku (di hadapan-Nya) sahaya yang taat dan tunduk.
Andai pengampunan ditakdirkan buatku maka itulah rahmat.
Dan andai sebaliknya, bagaimanalah nasibku di kala tamat hayat?

31. Baginda Nabi bersabda: “Pada hari akhirat, mizan (penimbang) akan diletakkan dan ahli-ahli solat akan dibawa ke hadapan lalu mereka akan diganjar sesuai ukuran mizan; kemudian ahli-ahli puasa akan dibawa ke hadapan lalu mereka akan diganjar sesuai ukuran mizan; kemudian ahli-ahli haji akan dibawa ke hadapan lalu akan diganjar sesuai dengan ukuran mizan; dan kemudian ahli-ahli (yang ditimpa) musibah (di dunia) akan dibawa ke hadapan dan mizan tidak akan digunakan untuk mereka dan tidak pula catatan-catatan mereka dibawa keluar – mereka akan diberikan ganjaran tanpa sebarang hisab.

Ganjaran mereka itu begitu banyak hinggakan orang-orang yang kebiasaannya bebas dari sebarang kerisauan atau bala bencana menjadi berhajat untuk berada di tempat mereka rentetan besarnya ganjaran yang diberikan oleh Allah kepada orang-orang yang ditimpa musibah ini.”

32. Seorang ahli hikmah berkata: “Anak Adam akan hadapi empat jenis perampasan – Malaikat Maut akan merampas rohnya; waris-warisnya akan merampas hartanya; cacing-cacing akan merampas tubuhnya; dan musuhnya (orang-orang yang dia pernah menerima ulah jahat atau umpatnya) akan merampas kemuliaannya (yakni amal-amal baiknya) pada hari akhirat.”

33. Seorang ahli zuhud berkata: “Barangsiapa menyibukkan dirinya dengan kehendak nafsu maka hendaklah memiliki wanita. Barangsiapa menyibukkan dirinya dengan mengumpul banyak harta, maka hendaklah menuruti perintah larangan. Barangsiapa menyibukkan

dirinya dengan membawa manfaat kepada Muslimin, maka hendaklah memegang rahsia. Dan barangsiapa melekakan dirinya dengan pengibadahan, maka hendaklah mempunyai ilmu pengetahuan.”

34. ‘Ali ibn Abi Talib berkata: “Amal-amal yang paling susah itu ada empat – memaafkan dalam keadaan marah; berkecukupan pada masa-masa susah; kesucian dalam penyendirian (khalwat); dan bercakap benar di hadapan seseorang yang ditakuti atau orang yang menjadi sandaran harap.”

35. Dalam kitab Zabur dinyatakan: “Allah mewahyukan kepada Nabi Daud bahawa seorang yang bijaksana dan berpengetahuan itu tidak pernah mengabaikan empat jenis masa – masa untuk berbual intim dengan Tuhannya; masa untuk bermuhasabah diri; masa untuk menziarahi saudara-saudaranya yang menunjukkan kekurangan dan kesilapan dirinya; dan masa untuk diluangkan dengan rasa senang pada hal-hal yang diizinkan.”

36. Seorang ahli zuhud berkata: “Seluruh pengibadahan itu berada dalam empat perkara – memuliakan janji; patuh pada batas-batas (yang telah ditetapkan); bersabar atas kehilangan; dan berkecukupan dengan apa sahaja yang dimiliki seseorang.”

NASIHAT DALAM LIMA

1. Baginda Nabi diriwayatkan pernah bersabda: "Barangsiapa mengeji lima perkara maka akan kehilangan lima perkara – barangsiapa mengeji ulama maka akan kehilangan agamanya. Barangsiapa mengeji pemerintah maka akan kehilangan hidupnya (dunia). Barangsiapa mengeji jirannya maka akan kehilangan belas kasihnya. Dan baragsiapa mengeji keluarganya maka akan kehilangan nikmat kehidupan."

2. Baginda Nabi bersabda: "Akan tiba suatu masa buat umatku di mana mereka akan mencintai lima perkara dan melupakan lima perkara – mereka akan mencintai kehidupan ini (dunia) dan melupakan kehidupan yang mendatang. Mereka akan mencintai hartanah dan melupakan kubur. Mereka akan mencintai kekayaan dan melupakan kiamat. Mereka akan mencintai anak-anak mereka dan melupakan kebenaran. Dan mereka akan mencintai diri mereka sendiri dan melupakan Allah. Mereka tidak memiliki hubungan denganku dan aku pun tidak memiliki hubungan dengan mereka."

3. Baginda Nabi bersabda: "Allah tidak memberikan seseorang itu lima perkara hinggalah Dia sediakan lima perkara lain untuknya – Dia tidak berikan kepadanya (rasa hendak) bersyukur melainkan Dia telah menyediakan untuknya penambahan (dalam keperluan dan rezeki). Dia tidak berikan kepadanya (rasa hendak) berdoa melainkan Dia telah menyediakan ganjarannya. Dia tidak berikan kepadanya (rasa hendak) meminta pengampunan (istighfar) melainkan Dia telah menyediakan untuknya pengampunan. Dia tidak berikan kepadanya (rasa hendak)

bertaubat melainkan Dia telah menyediakan untuknya penerimaan taubat. Dan Dia tidak berikan kepadanya (rasa hendak) bersedekah melainkan Dia telah menyediakan ganjarannya."

4. Abu Bakar as-Siddiq berkata: "Kegelapan itu ada lima jenis dan cahayanya juga ada lima jenis – cinta dunia adalah kegelapan dan cahayanya adalah takwa (rasa bertuhan). Dosa adalah kegelapan dan cahayanya adalah taubat. Kubur adalah kegelapan dan cahayanya adalah "La ilaaha illallah Muhammadur rasulullah." Akhirat adalah kegelapan dan cahayanya adalah amal-amal soleh. Dan perjalanan (sirat) adalah kegelapan dan cahayanya adakan keyakinan (iman yang teguh)."

5. 'Umar ibn al-Khattab berkata: "Kalaulah bukan kerana nanti akan didakwa melihat hal-hal ghaib, aku pasti akan mengangkat kesaksian bahawa lima golongan manusia ini merupakan ahli syurga – iaitu lelaki miskin yang perlu menyara keluarga yang besar; isteri yang suaminya bersenang hati terhadapnya; wanita yang memberikan maharnya kepada suaminya dan menganggapnya sebagai sedekah; seorang yang ibu bapanya bersenang hati terhadapnya; dan seorang yang bertaubat dari dosa-dosanya."

6. 'Uthman ibn 'Affan berkata: "Tanda-tanda ketakwaan itu ada lima – pertama bahawa dia tidak duduk melainkan bersama seseorang yang risau (peduli) tentang agama dan mengawal kehendak syahwat dan lidahnya. Kedua bahawa jika keuntungan besar dari hal-hal dunia mengejar dirinya, maka dia menganggapnya sebagai ujian.

Ketiga bahawa jika dia menjumpai suatu amalan dari agama, maka dia berpaut terhadap amalan itu walaupun mungkin kelihatan ia tidak begitu penting. Keempat bahawa dia tidak memenuhkan perutnya dengan yang halal kerana berasa khuatir kalau-kalau yang haram mungkin bercampur dengannya. Dan kelima bahawa dia menganggap semua orang akan terselamat (yakni masuk syurga) sementara dirinya akan binasa (bakal diazab di neraka)."

7. 'Ali ibn Abi Talib berkata: "Andai bukan kerana lima perkara, maka seluruh manusia akan berada dalam kebenaran – kebercukupan dengan kejahilan (kurang ilmu); rakus terhadap dunia; bakhil atas lebihan harta; tidak ikhlas dalam tindakan; dan angkuh terhadap buah fikirannya."

8. 'Abdullah ibn 'Amru ibn al-'As berkata: "Lima perkara, barangsiapa mengamalkannya maka akan gembira di dunia dan akhirat – pertama adalah melazimi ucapan "La ilaaha illallah Muhammadur rasulullah". Kedua adalah ketika ditimpa musibah maka mengucapkan "Inna lillahi wa inna ilaihi raj'iun, wa la hawla wa la quwwata illa billahil 'aliyyil 'azhim." Ketiga adalah ketika diberikan kurnia maka mengucapkan kesyukuran "Alhamdulillahi rabbil 'alamin." Keempat adalah memulakan sesuatu perbuatan dengan mengucap "Bismillahir-rahmanir-rahim." Dan kelima adalah ketika melakukan dosa maka mengucapkan "Astaghfirullah al-'azim wa atubu ilayh."

9. Al-Hasan al-Basri berkata: “Di dalam kitab Taurat tertulis lima pengajaran – iaitu kekayaan adalah kebercukupan (qana’ah); keselamatan adalan dalam penyendirian (pengasingan diri); (tinggi) maruah adalah dalam penolakan kehendak (nafsu); kenikmatan adalah dalam hari-hari yang panjang (di akhirat); dan kesabaran adalah dalam hari-hari yang sedikit (di dunia).”

10. Baginda Nabi bersabda: “Manfaatkan lima perkara sebelum lima perkara – iaitu masa muda sebelum tua; kesihatan sebelum sakit; kekayaan sebelum kemiskinan; hidup sebelum mati; dan masa lapang sebelum masa sibuk.”

11. Yahya ibn Muadz al-Razi berkata: “Barangsiapa seleranya bertambah, maka kegemukannya akan bertambah. Barangsiapa kegemukannya bertambah, maka kehendaknya akan bertambah. Barangsiapa kehendaknya bertambah, maka dosanya akan bertambah. Barangsiapa dosanya bertambah, maka kekerasan hatinya akan bertambah. Dan barangsiapa hatinya menjadi keras, maka akan lemas dalam dunia dan segala godaannya (tarikannya).”

12. Sufyan at-Tsawri berkata: “Golongan miskin telah memilih lima perkara dan golongan kaya telah memilih lima yang lain – golongan miskin memilih ketenangan jiwa, kebebasan dari kekhuatiran, pengibadahan kepada Tuhan, kesenangan penghisaban dan darjat yang tertinggi. Golongan kaya pula memilih kelelahan jiwa, kesibukan dengan kekhuatiran, pengibadahan kepada dunia, kesusahan penghisaban dan darjat yang terendah.”

13. ‘Abdullah al-Antaki berkata: “Lima perkara berikut adalah penawar hati – iaitu duduk bersama orang-orang benar; membaca al-Qur’an; mengosongkan perut; berdiri malam (solat); dan berdoa pada waktu subuh.”

14. Kebanyakan ‘ulama bersepakat bahawa: “Perenungan itu ada lima jenis – Iaitu merenungi tanda-tanda (kebesaran) Allah menghasilkan keteguhan dalam mentauhidkan (mengEsakan) Allah dan dalam keimanan. Merenungi rahmat-rahmat Allah menghasilkan kecintaan kepada Allah. Merenungi janji-janji Allah (tentang ganjaran dan syurga buat orang-orang soleh) menghasilkan semangat dan kekuatan untuk berbuat kebaikan. Merenungi hukuman-hukuman Allah menghasilkan ketakutan dan tunduk patuh kepada perintah-Nya. Dan merenungi kekurangan diri dalam mentaati Allah walaupun telah diberikan rahmat dan kurniaan-Nya pula menghasilkan rasa malu dan hina (di hadapan Allah).”

15. Seorang ahli zuhud berkata: “Terdapat lima halangan dalam meraih takwa (rasa bertuhan) dan hanya orang-orang yang berjaya melepasi halangan itu mampu meraihnya – iaitu memilih kepayahan berbanding kesenangan; memilih kesungguhan berbanding istirahat; memilih kerendahan berbanding ketinggian; memilih berdiam diri berbanding cakap kosong; dan memilih mati berbanding hidup.”

16. Baginda Nabi bersabda: “Memelihara rahsia akan memelihara rahsia. Memberi sedekah akan memelihara harta. Berbuat ikhlas akan memelihara amal soleh. Bersifat jujur akan memelihara tutur kata. Dan mesyuarat akan memelihara buah fikiran.”

17. Baginda Nabi bersabda: “Dalam mengumpulkan harta, terdapat lima jenis kesalahan – iaitu memenatkan diri dalam mengumpulkannya; mengabaikan pengingatan (zikir) kepada Allah dalam memelihara harta; takut kepada perompak dan pencuri; dilabel sebagai bakhil kerana menyimpan harta; dan meninggalkan kebersamaan dengan orang-orang soleh disebabkan harta.

Dalam mengagihkan harta kepada golongan miskin itu terdapat lima jenis kepujian – menyenangkan fikiran kerana meninggalkan bebanan harta; mempunyai masa untuk mengingati (zikir) Allah berbanding (masa untuk) risau tentang (cara) memelihara harta; selamat dari perompak dan pencuri; meraih gelaran ‘pemurah’; dan mendapat kebersamaan dengan orang-orang soleh dengan meninggalkan harta.”

18. Sufyan at-Tsawri berkata: “Tidak seorang pun di zaman ini memperbanyakkan harta melainkan dia memiliki lima sifat – iaitu terpedaya bahawa nyawanya akan lama; ketamakan yang berlebihan; kebakhilan melampau; iman yang kurang; dan lupa pada akhirat.”

19. Seorang penyair berkata:

Hai dikau yang kepada dunia mahu hidup abadi!
Ketahuilah dia miliki kekasih baru setiap hari.
Dia mempersuamikan seseorang kini,
nanti diberi dirinya kepada lelaki lain lagi.

Dia menerima cinta hanya kerana satu cita
agar dapat dibunuh satu persatu di dalam dadanya.
Aku telah pun ditipu oleh perdaya dunia.
dan kesannya bertebar di tubuhku perlahan masa.
Siapkanlah dirimu dan bekalilah untuk kematian.
kerana penyeru telah memanggil menuju keabadian!

20. Hatim al-Asam berkata: "Tergesa-gesa itu adalah daripada syaitan kecuali dalam lima keadaan yang mana ia merupakan sunnah untuk disegerakan – menjamu tetamu ketika dia tiba; menguruskan jenazah apabila ada yang meninggal dunia; menikahkan anak perempuan apabila usianya matang; membayar hutang bila masanya tiba; dan bertaubat dari dosa sebaik melakukannya."

21. Muhammad ibn ad-Duri berkata: "Iblis dikutuk kerana lima perkara – iaitu dia tidak memperakui dosanya; dia tidak menyesali perbuatan dosanya; dia tidak menyalahkan dirinya; dia tidak bertekad untuk bertaubat; dan dia berputus-asa terhadap rahmat Allah. Nabi Adam terselamat kerana lima perkara – iaitu beliau memperakui

dosanya; beliau menyesali perbuatannya; beliau menyalahkan dirinya; beliau bersegera untuk bertaubat; dan beliau tidak berputus-asa terhadap rahmat Allah.”

21. Shaqiq al-Balkhi berkata: “Lima ajaran yang diwajibkan ke atas kamu, maka amalkanlah ia – iaitu beribadah kepada Allah hingga kamu memerlukan-Nya; mengambil dari dunia hingga kamu berlumuran dengannya; ingkari Allah hingga kamu mampu menanggung seksaan-Nya; sediakan bekalan semasa di dunia hingga kamu mendiami kubur; dan berusaha untuk meraih syurga hingga kamu mahukan darjat di dalamnya.”

23. ‘Umar ibn al-Khattab berkata: “Aku telah melihat semua jenis rakan tetapi aku tidak pernah temui seorang rakan yang lebih baik berbanding memelihara lidah. Aku telah melihat semua jenis pakaian tetapi aku tidak pernah temui pakaian yang lebih baik berbanding takwa (rasa bertuhan). Aku telah melihat semua jenis kekayaan tetapi aku tidak pernah temui kekayaan yang lebih baik berbanding kebercukupan (qana’ah). Aku telah melihat semua jenis amal soleh tetapi aku tidak pernah temui amal soleh yang lebih baik berbanding memberi nasihat yang baik. Dan aku telah melihat semua jenis makanan dan aku tidak pernah temui makanan yang lebih lazat berbanding sabar.”

24. Seorang ahli zuhud berkata: "Kezuhudan terletak dalam lima perkara – iaitu yakin pada Allah; tidak bergantung pada makhluk; ikhlas dalam amalan; menanggung (sabar menghadapi) penindasan; dan bercukupan dengan apa yang dalam tangan."

25. Dalam beberapa doanya, seorang pendoa berkata: "Wahai Tuhanku! Sangkaan bahawa hayatku masih lama telah memperdayaku. Cinta kepada dunia telah membinasakanku. Syaitan telah memesongkanku. Nafsu telah mendorongku kepada kejahatan dan menjauhkanku dari mentaati kebenaran. Rakan-rakanku yang jelek telah membantuku dalam keingkaran. Maka, selamatkanlahku wahai Penyelamat orang-orang yang meminta keselamatan! Andai Engkau tidak membelas-kasihaniku, maka siapa lagi yang akan membelas-kasihaniku?"

26. Yahya ibn Muadz ar-Razi berkata dalam doanya: "Wahai Tuhanku! Malam itu hanya akan menyenangkanku bilamana aku berdoa kepada-Mu. Siang itu hanya akan menyenangkanku bilamana aku taat kepada-Mu. Akhirat itu hanya akan menyenangkanku andai aku menerima pengampunan dari-Mu. Dan syurga itu hanya akan menyenangkanku andai aku melihat-Mu."

NASIHAT DALAM ENAM

1. Baginda Nabi bersabda: “Enam perkara adalah asing dalam enam keadaan – masjid itu asing bagi orang-orang yang tidak solat. Al-Qur’an itu asing bagi isi rumah yang tidak membacanya. Menghafal al-Qur’an itu asing bagi hati pendosa yang melakukan dosa secara terdedah (fasiq). Wanita Muslim yang sejati itu asing bagi tangan suami zalim yang berperangai buruk.

Lelaki Muslim yang warak itu asing bagi tangan isteri jahat yang berperangai buruk. Dan ulama’ itu asing bagi kumpulan manusia yang tidak mendengar katanya.” Kemudian, baginda bersabda: “Sesungguhnya Allah yang Maha Tinggi tidak akan melihat mereka itu dengan pandangan rahmat-Nya pada hari akhirat kelak.”

2. Baginda Nabi bersabda: “Terdapat enam jenis manusia yang aku laknat dan Allah laknat, kerana doa setiap Nabi itu makbul – iaitu orang yang menokok-tambah sesuatu ke dalam kitab Allah; orang yang tidak mengimani titah-perintah (termasuk takdir) Allah; orang yang menggunakan kuasanya dengan cara menindas lalu meninggikan orang-orang yang telah Allah rendahkan dan merendahkan orang-orang yang telah Allah tinggikan; orang yang secara terang-terangan mengingkari perintah Allah; orang yang menghalalkan apa yang haram; dan orang yang meninggalkan sunnahku – Allah tidak akan melihat mereka dengan pandangan rahmat-Nya pada hari akhirat kelak.”

3. Abu Bakar as-Siddiq berkata: “Iblis berdiri di hadapan kamu, nafsu di kanan kamu, kehendak di kiri kamu, dan dunia di belakang kamu, anggota badan dan deria-deria kamu di sekeliling kamu, dan Allah yang Maha Berkuasa di atas kamu. Iblis – laknat Allah ke atasnya – menghasut kamu agar meninggalkan agama. Nafsu menghasut kamu kepada agar mengingkar perintah. Kehendak menghasut kamu agar memenuhi syahwat.

Dunia menghasut kamu agar mengutamakannya berbanding akhirat. Anggota badan dan deria-deria kamu menghasut kamu agar berbuat dosa. Dan Allah Yang Maha Berkuasa mengajak kamu kepada syurga dan pengampunan. Allah berfirman (di dalam al-Qur’an): “Dan Allah mengajak kamu kepada syurga dan pengampunan.”

Barangsiapa menyahut hasutan iblis akan kehilangan agamanya. Barangsiapa menyahut hasutan nafsu akan kehilangan jiwanya. Barangsiapa menyahut hasutan kehendak akan kehilangan ilmu pengetahuannya. Barangsiapa menyahut hasutan anggota badan dan deria-deria akan kehilangan syurga. Dan barangsiapa menyahut ajakan Allah akan digugurkan segala dosa dan meraih segala kebaikan.”

4. ‘Umar al-Khattab berkata: “Allah telah menyembunyikan enam perkara di dalam enam perkara yang lain – Dia telah menyembunyikan kesenangan di dalam ketaatan. Dia telah menyembunyikan marah di dalam pengingkaran. Dia telah menyembunyikan nama-nama-Nya yang agung di dalam al-Qur’an. Dia telah menyembunyikan Lailatul Qadar di dalam Ramadhan. Dia telah menyembunyikan Solatul Wusta dari sekalin solat. Dan Dia menyembunyikan Hari Pengadilan dari sekalian hari.”

5. ‘Uthman ibn ‘Affan berkata: “Mukmin itu berada dalam enam jenis ketakutan – pertama adalah ketakutan bahawa Allah akan mencabut imannya. Kedua adalah ketakutan bahawa para malaikat akan mencatat perkara-perkara yang akan mendedahkannya (kepada hukuman) pada hari akhirat. Ketiga adalah ketakutan bahawa syaitan akan menjadikan amal-amalnya kosong (sia-sia).

Keempat adalah ketakutan bahawa Malaikat Maut akan mengambil nyawanya dalam keadaan ingkar dan tidak taat. Kelima adalah ketakutan bahawa dunia akan memperdayakannya dan menyibukkan diri selain untuk (manfaat) akhirat. Dan yang keenam adalah ketakutan bahawa keluarga dan anak-anaknya akan melekakannya sehingga dia meninggalkan zikir kepada Allah.”

6. ‘Ali ibn Abi Talib berkata: “Barangsiapa mengumpulkan enam sifat maka tidak akan tertinggal sesuatu pun dari hal-hal yang mendekatkan dirinya kepada syurga atau yang melepaskan dirinya dari Neraka – iaitu dia mengenali Allah yang Maha Agung lalu mentaati-Nya; dia mengenali syaitan lalu mengingkarinya; dia mengenali akhirat dan lalu mengejarnya; dia mengenali dunia lalu membelakanginya; dia mengenali kebenaran lalu mengikutinya; dan dia mengenali kebatilan lalu menghindarinya.”

7. ‘Ali ibn Abi Talib berkata: “Terdapat enam keberkatan – Islam, al-Qur’an, Muhammad Rasulullah, keadaan (tubuh, sifat dan iman) yang baik, perlindungan Allah, dan tidak bergantung pada manusia.”

8. Yahya ibn Muadz ar-Razi berkata: “Ilmu merupakan bukti amal. Kefahaman merupakan bekas ilmu. Kebijaksanaan (akal) merupakan pembimbing kepada kebaikan. Kehendak adalah gunung dosa. Kekayaan adalah jubah keangkuhan. Dan dunia ini adalah pasar untuk kehidupan mendatang (akhirat).”

9. Abu Dzar Jimhir berkata: “Enam perkara menyamai segala yang ada di dunia – makanan yang memuaskan; anak yang baik; isteri yang prihatin; kata-kata bijaksana; akal yang matang; dan tubuh yang sihat.”

10. Al-Hasan al-Basri berkata: “Andai bukan kerana adanya insan-insan yang benar, maka bumi dan segala isinya pasti akan mengalami kebinasaan. Andai bukan kerana adanya orang-orang soleh, maka orang-orang jahat pasti akan dihapuskan. Andai bukan kerana adanya ulama’, maka manusia akan saling tidak tumpah seperti haiwan ternakan. Andai bukan kerana adanya pemerintah, maka manusia akan saling berbunuhan. Andai bukan kerana adanya orang-orang jahil, maka dunia(wi) telah pun binasa kerana diabaikan. Dan andai bukan kerana angin, maka segalanya pasti akan mati.”

11. Seorang ahli zuhud berkata: “Barangsiapa tidak takut kepada Allah, maka dia tidak akan selamat dari keterlanjuran lidah. Hati yang tidak takut kepada pertemuannya dengan Allah, maka ia tidak akan selamat baik dari hal yang haram mahupun yang syubhah. Barangsiapa tidak memutuskan pergantungannya pada makhluk, maka dia tidak akan selamat dari sifat tamak. Barangsiapa tidak memelihara (keikhlasan)

amalnya, maka dia tidak akan selamat dari riya' (menunjuk-nunjuk). Barangsiapa tidak meminta pertolongan Allah dalam memelihara hatinya, maka dia tidak akan selamat dari rasa iri hati (dengki). Dan barangsiapa tidak melihat kepada orang yang lebih baik daripadanya dalam hal ilmu dan ibadah, maka dia tidak akan selamat dari berbangga diri."

12. Al-Hasan al-Basri berkata: "Kerosakan hati manusia itu terletak dalam enam perkara – pertama adalah mereka melakukan dosa beriringan dengan harapan untuk bertaubat. Kedua adalah mereka mencari ilmu tetapi tidak mengamalkannya. Ketiga adalah jika mereka mengamalkannya, maka mereka tidak bersikap ikhlas. Keempat adalah mereka makan dari rezeki yang Allah kurniakan tetapi tidak mensyukurinya. Kelima adalah mereka tidak berasa berkecukupan (qana'ah) dengan pembahagian (qisma) Allah. Dan keenam adalah mereka mengebumikan jenazah tetapi tidak mengambil pelajaran."

13. Al-Hasan al-Basri juga berkata: "Allah akan timpakan enam hukuman ke atas orang yang mencintai dan mengutamakan dunia berbanding akhirat – tiga hukuman semasa di dunia dan tiga lagi semasa di akhirat. Bagi tiga hukuman di dunia adalah – terpedaya dan berharap agar memiliki usia panjang yang berkekalan; ketamakan melampau yang langsung tiada sifat berkecukupan (qana'ah); dan tercabut kemanisan beribadah. Bagi tiga hukuman di akhirat pula adalah – seksaan berupa penyisir pada hari akhirat; penghisaban yang sukar; dan penyesalan yang abadi."

14. Al-Ahnaf ibn Qays berkata: “Tiada rehat bagi pendengki. Tiada ketulusan bagi pendusta. Tiada kebaikan bagi pembakhil. Tiada kesetiaan bagi raja. Tiada kemuliaan bagi orang yang berakhlak buruk. Tiada pembatalan bagi perintah (takdir) Allah.”

15. Beberapa ahli zuhud ditanya: “Apabila seorang hamba Allah bertaubat, bagaimana dia mengetahui sama ada taubatnya itu diterima atau ditolak?” Mereka berkata: “Kami tidak mampu memberikan jawapan muktamad tentang hal ini. Namun, terdapat tanda-tanda penerimaan taubat – bahawa dia tidak mendakwa dirinya kebal dari perbuatan ingkar; bahawa dia melihat kegembiraan telah hilang dari hatinya dan kesedihan sentiasa hadir di dalamnya; bahawa dia mendekati orang-orang soleh dan menjauhi orang-orang ingkar;

bahawa dia melihat kekurangan harta dunia miliknya sebagai banyak dan amal-amalnyayang banyak untuk akhirat sebagai kecil; bahawa dia melihat hatinya sibuk dengan apa yang dihajatkan daripada Allah (contohnya syurga) dan kosong dari kerisauan tentang apa yang telah pun Allah berikan kepadanya (contohnya rezeki harian); bahawa dia memelihara lidahnya dan sentiasa berkeadaanbermuhasabah diri sambil diiringi kekesalan dan kedukaan (terhadap dosa-dosa lalu).”

16. Yahya ibn Muadz berkata: "Dari sekalian tipu daya yang pernah saya lihat, tipu daya yang paling besar adalah – terus-menerus berbuat ingkar dalam keadaan mengharapkan pengampunan tanpa sebarang rasa kesal; mengharap kedekatan kepada Allah tanpa mengerjakan sebarang perbuatan taat; menunggu masa menuai tanaman di syurga tetapi menanam benih neraka; mendambakan untuk mendiami mahligai orang-orang taat (yakni syurga) dengan beramal ingkar; menanti ganjaran tanpa melayakannya dengan beramal soleh; dan memasang harapan untuk menerima kebaikan-kebaikan daripada Allah tanpa berbuat taat."

Mereka harapkan keselamatan tanpa melangkahi jalannya,
sedangkan kapal tidak berlayar atas permukaan yang keras.

17. Al-Ahnaf ibn Qays pernah ditanya: "Apakah perkara terbaik yang boleh diberikan kepada seorang hamba Allah?" Beliau menjawab: "Akal kebijaksanaan yang hak." Dibalas, "Dan kalau bukan itu?" Beliau berkata: "Akhlak yang baik." Dibalas, "Dan kalau bukan itu?" Beliau berkata: "Teman yang sepakat." Dibalas, "Dan kalau bukan itu?" Beliau berkata: "Hati yang berpaut pada Allah." Dibalas, "Dan kalau bukan itu?" Beliau berkata: Diam yang berpanjangan." Dibalas, "Dan kalau bukan itu?" Beliau berkata: "Kematian yang segera."

NASIHAT DALAM TUJUH

1. Abu Hurairah meriwayatkan bahawa baginda Rasulullah bersabda: "Tujuh (golongan) manusia yang dinaungi Allah dalam naungan arasy-Nya, pada hari di mana tiada naungan kecuali naungan-Nya (hari akhirat) – iaitu pemerintah yang adil; pemuda yang tumbuh dalam beribadah kepada Allah; hati yang berpaut pada masjid (dan mendambakan untuk kembali kepadanya) sejak saat meninggalkannya hinggalah ia kembali kepadanya lagi; dua manusia yang saling mengasihi kerana Allah, bertemu dan berpisah kerana-Nya;

manusia yang mengingati Allah dalan penyendirian dan matanya penuh dengan tangisan; lelaki yang digoda oleh wanita jelita lagi kaya namun menolaknya dengan berkata: "Aku takut kepada Allah"; dan manusia yang memberi sedekah dan menyembunyikannya sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang diberi oleh tangan kanannya."

2. Abu Bakar as-Siddiq berkata: "Orang yang bakhil tidak akan terlepas satu daripada tujuh perkara – sama ada dia akan mati dan orang lain akan mewarisi kekayaannya lalu membelanjakannya dalam hal yang dilarang oleh Allah; atau Allah mengkuasakan ke atas dirinya seorang pemerintah zalim lalu dia akan merampas seluruh kekayaannya selepas menghinakannya; atau Dia akan menyalakan suatu kehendak dalam dirinya lalu menyebabkan ia kehilangan kekayaannya; atau dia akan diilhami untuk membina bangunan pada tanah yang tidak sesuai lalu tersia-sia sahaja kekayaannya; atau satu dari sekalian bencana dunia

seperti banjir, kebakaran, rompakan atau hal-hal seperti itu akan menimpa dirinya; atau dia akan ditimpa penyakil kekal lalu dia akan membelanjakan seluruh kekayaannya untuk mencari rawatan; atau dia akan menanam hartanya di suatu tempat lalu dia terlupa justeru tidak lagi menjumpainya."

3. 'Umar al-Khattab berkata: "Barangsiapa banyak ketawa akan hilang wibawanya. Barangsiapa mengeji seseorang akan dikeji yang lain. Barangsiapa berlebihan dalam sesuatu akan dikenali dengannya. Barangsiapa banyak bercakap akan banyak keterlanjurannya. Barangsiapa banyak keterlanjurannya akan hilang rasa malunya. Barangsiapa hilang rasa malunya akan hilang takwanya. Dan barangsiapa hilang takwanya akan menyebabkan hatinya mati."

4. 'Uthman ibn 'Affan berkata semasa berbincang tentang firman Allah: "Dan di bawahnya terdapat harta untuk mereka, dan bapa mereka merupakan orang yang soleh," harta itu adalah jongkong emas dan tertulis di atasnya tujuh rangkap: "Aku takjub (hairan) pada seseorang yang mengetahui bahawa kematiannya sedang menghampiri tetapi masih bergelak-ketawa. Aku takjub pada seseorang yang mengetahui bahawa segala sesuatu telah ditakdirkan tetapi masih kusut terhadap apa yang terlepas dari tangannya. Aku takjub pada seseorang yang mengetahui tentang hisab tetapi masih mengumpulkan harta. Aku takjub pada seseorang yang mengetahui tentang neraka tetai masih berbuat dosa. Aku takjub pada seseorang yang beriman kepada Allah dengan teguh tetapi masih mengingati selain-Nya.

Aku takjub pada seseorang yang mengimani syurga dengan teguh tetapi masih bersenang-senang di dunia. Dan aku takjub pada seseorang yang mengenali syaitan sebagai musuh tetapi masih mentaatinya."

5. 'Ali ibn Abi Talib pernah ditanya: "Apakah yang lebih berat daripada langit? Apakah yang lebih luas daripada bumi? apakah yang lebih kaya daripada laut? Apakah yang lebih keras berbanding batu? Apakah yang lebih panas berbanding api? Apa yang lebih sejuk daripada salji? Apa yang lebih pahit daripada racun?"

Beliau menjawab: "Menuduh orang yang tidak bersalah itu lebih berat berbanding langit. Kebenaran (hak) itu lebih luas berbanding bumi. Hati yang berkecukupan (qana'ah) itu lebih kaya berbanding laut. Hati yang munafik itu lebih keras berbanding batu. Pemerintah yang zalim itu lebih panas berbanding api. Berada dalam keadaan memerlukan dari seorang penjahat itu lebih sejuk berbanding salji. Dan kesabaran itu lebih pahit berbanding racun (dan dalam riwayat lain, mengumpat itu lebih pahit berbanding racun)."

6. Baginda Nabi bersabda: "Dunia ini rumah bagi orang yang tiada rumah; dan harta itu buat orang yang tiada harta; hanya orang yang tiada akal yang mengumpulkannya (harta); hanya orang yang tiada pemahaman yang bertindak mengikut kehendak; hanya orang yang tiada ilmu yang akan dihukum kerananya; hanya orang yang tiada akal yang akan jadi cemburu untuknya; dan hanya orang yang tiada iman yang akan bersungguh-sungguh untuknya."

7. Jabir ibn ‘Abdillah al-Ansari meriwayatkan bahawa baginda Nabi bersabda: “Jibril selalu mengingatkanku tentang hak-hak jiran hingga aku menyangka jiran itu diberikan hak untuk mewarisi jirannya. Jibril selalu mengingatkanku tentang hak-hak wanita hingga aku menyangka menceraikan mereka itu diharamkan. Jibril selalu mengingatkanku tentang hak-hak sahaya hingga aku menyangka terdapat masa yang ditetapkan agar mereka itu dimerdekakan.

Jibril selalu mengingatkanku tentang kegunaan siwak hingga aku menyangka siwak itu diwajibkan. Jibril selalu mengingatkanku tentang solat berjemaah hingga aku menyangka Allah tidak akan menerima solat kecuali dengan berjemaah. Jibril selalu mengingatkan aku tentang bangun malun dan solat hingga aku menyangka tidak akan ada tidur pada waktu malam. Dan Jibril selalu mengingatkan aku tentang zikir Allah hingga aku menyangka tiada faedah dalam sebarang kata-kata kecuali di dalamnya.”

8. Baginda Nabi bersabda: “Terdapat tujuh golongan yang Allah tidak akan pandang pada hari akhirat dan tidak pula Dia akan sucikan mereka, dan Dia akan masukkan mereka ke dalam neraka – iaitu hubungan sejenis dan pasangannya; orang yang melancap; orang yang melakukan hubungan dengan binatang; orang yang melakukan hubungan dengan wanita menerusi dubur; lelaki yang mengahwini seorang wanita dan anaknya; orang yang berzina dengan isteri jirannya; dan orang yang menyakiti jirannya hingga jirannya itu menyeranahnya.”

9. Baginda Nabi bersabda: "Terdapat tujuh jenis mati syahid selain yang terbunuh di jalan Allah – orang yang mati disebabkan pendarahan dalaman itu mati syahid; orang yang mati lemas itu mati syahid; radang paru-paru itu syahid; orang yang mati terbakar itu mati syahid; orang yang mati di bawah runtuhan itu mati syahid; dan wanita yang mati ketika bersalin itu mati syahid."

10. Ibn 'Abbas berkata: "Adalah satu tanggungjawab untuk orang yang berakal agar memilih tujuh perkara berbanding tujuh perkara – iaitu memilih kemiskinan berbanding kekayaan; memilih kerendahan berbanding kemuliaan; memilih kehinaan berbanding keangkuhan; memilih kelaparan berbanding kekenyangan; memilih kesedihan berbanding kegembiraan; memilih bawahan berbanding atasan; dan memilih kematian berbanding hidup."

NASIHAT DALAM LAPAN

1. Baginda Nabi bersabda: "Lapan perkara tidak pernah puas dengan lapan perkara yang lain – iaitu mata tidak pernah puas dengan melihat; bumi tidak pernah puas dengan hujan; wanita tidak pernah puas dengan lelaki; ulama' tidak pernah puas dengan ilmu; penyoal tidak pernah puas dengan menyoal; orang yang tamak tidak pernah puas dari pengumpulan (harta); laut tidak pernah puas dengan air; dan api tidak pernah puas dengan kayu."

2. Abu Bakar as-Siddiq berkata: "Terdapat lapan perkara yang merupakan hiasan bagi lapan perkara yang lain – kesucian adalah hiasan bagi orang miskin; syukur adalah hiasan bagi kurniaan; sabar adalah hiasan bagi musibah; berbudi pekerti adalah hiasan bagi ilmu; kerendahan diri adalah hiasan bagi pelajar; banyak menangis adalah hiasan bagi takwa; tidak berbangga-bangga dengan kepemurahan hati adalah hiasan bagi sedekah; dan ketenangan dan kekhusyukan dalam adalah hiasan bagi solat."

3. 'Umar al-Khattab berkata: "Barangsiapa meninggalkan percakapan yang berlebihan akan diberikan kebijaksanaan. Barangsiapa meninggalkan pencarian (harta) yang berlebihan akan diberikan ketenangan hati. Barangsiapa meninggalkan makanan yang berlebihan akan diberikan kemanisan dalam beribadah. Barangsiapa meninggalkan gelak-ketawa berlebihan akan diberikan kewibawaan. Barangsiapa meninggalkan gurau-senda berlebihan akan diberikan keindahan rupa-paras. Barangsiapa meninggalkan cinta dunia akan

diberikan cinta akhirat. Barangsiapa meninggalkan kesibukan diri mencari kesalahan orang lain akan diberikan keupayaan untuk memperbaiki kesalahan diri. Dan barangsiapa meninggalkan perbuatan menyoal-nyoal Zat Allah akan diberikan keselamatan dari kemunafikan."

4. 'Uthman ibn 'Affan berkata: "Tanda-tanda orang yang benar-benar mengenali Allah itu ada lapan – hatinya dalam keadaan takut dan harap; lidahnya dalam keadaan memuji dan syukur; matanya dalam keadaan malu dan menangis; dan tekadnya terletak pada meninggalkan dunia dan mencari keredhaan Allah."

5. 'Ali ibn Abi Talib berkata: "Tiada kebaikan dalam solat tanpa khusyuk dan ketenangan. Tiada kebaikan dalam puasa tanpa mengekang diri dari berbual kosong. Tiada kebaikan dalam membaca tanpa sebarang perenungan. Tiada kebaikan dalam ilmu tanpa iman. Tiada kebaikan dalam kekayaan tanpa kepemurahan. Tiada kebaikan dalam persaudaraan tanpa saling prihatin. Tiada kebaikan dalam rahmat (kurniaan) yang bersifat sementara (hanya di dunia). Dan tiada kebaikan dalam doa tanpa keikhlasan."

NASIHAT DALAM SEMBILAN

1. Baginda Nabi bersabda: "Allah yang Maha Agung mewahyukan kepada Musa ibn Imran dalam kitab Taurat bahawa sumber segala kesilapan ada tiga – keangkuhan, hasad dengki, dan tamak. Enam penyakit lain lahir dari tiga sifat tadi, dan maka kesemuanya berjumlah sembilan – kekenyangan, tidur berlebihan, rehat berlebihan, cintakan harta, cintakan pujian, dan cintakan kedudukan."

2. Abu Bakar as-Siddiq berkata: "Ahli-ahli ibadah tergolong dalam tiga kumpulan. Setiap kumpulan mempunyai tiga tanda yang mereka dikenali dengan tanda itu – sekumpulan yang beribadah kepada Allah kerana rasa takut; sekumpulan yang beribadah kepada Allah kerana rasa harap; sekumpulan yang beribadah kepada Allah kerana rasa cinta.

Untuk kumpulan pertama, terdapat tiga tanda – mereka memperkecilkan diri mereka; mereka menganggap amal-amal mereka sedikit; dan mereka menganggap amal buruk mereka banyak.

Untuk kumpulan kedua, terdapat tiga tanda – mereka merupakan contoh kepada yang lain dalam segala keadaan; mereka merupakan orang yang paling pemurah dari sekalian yang lain; dan mereka mempunyai pandangan yang paling baik terhadap Allah dalam kalangan makhluk.

Bagi kumpulan ketiga, terdapat tiga tanda – mereka memberikan apa yang paling mereka suka dan tidak mempedulikannya selama mana Tuhan mereka meredhai mereka; dan mereka melakukan apa yang tidak menyenangkan nafsu mereka demi meredhakan Tuhan mereka; dan mereka bersama dengan Tuhan mereka dalam setiap keadaan baik dalam (mentaati) suruhan-Nya atau (menghindari) larangan-Nya."

3. 'Umar al-Khattab berkata: "Cucu-cicit syaitan ada sembilan – Zaltun, Wathin, Laqus, A'wan, Haffaf, Murra, al-Musawwit, Dasim dan Walhan. Zaltum memerintah di pasar-pasar dan dia menebarkan benderanya di sana; Wathan memerintah malapetaka; A'wan memerintah para pemerintah; Haffaf memerintah kemabukan; Murra memerintah musik yang melalaikan; Laqus memerintah ahli sihir;

Al-Musawwit memerintah berita (palsu); Dasim memerintah rumah-rumah – sekiranya seseorang memasuki rumahnya tanpa mengucapkan salam kepada isteri dan keluarganya serta tidak menyebut nama Allah, maka Dasim akan melakukan pertelagahan di antara suami dan isteri hingga membawa perceraian atau kekerasan; bagi Walhan, dia berbisik-bisik (dalam telinga manusia) semasa wuduk, solat dan amal-amal ibadah lain."

4. 'Uthman ibn 'Affan berkata: "Barangsiapa melaksanakan solat lima waktu tepat pada waktunya dan berterusan dalam keadaan sedemikian, maka Allah akan memuliakannya dengan sembilan keajaiban –
iaitu Allah akan mencintainya; kesihatannya akan membaik; para malaikat akan melindunginya; keberkatan diturunkan ke rumahnya; tanda-tanda kebenaran (soleh) akan jelas pada wajahnya; Allah akan melembutkan hatinya; dia akan melintasi titian sirat al-mustaqim dengan kelajuan cahaya; Allah akan menyelamatkannya dari neraka; dan Allah akan meletakkannya dalam kalangan orang yang tidak ada rasa takut dan sedih (di syurga)."

5. ‘Ali ibn Abi Talib berkata: “Menangis itu ada tiga jenis – pertama adalah dari rasa takut terhadap hukuman Allah; kedua adalah dari rasa takut terhadap kemurkaan Allah; dan ketiga adalah dari rasa takut dijauhkan dari Allah. Yang pertama itu menghapus dan menggantikan dosa. Yang kedua itu penyucian dari salah silap. Dan yang ketiga itu pengangkatan diri ke darjat kewalian diiringi dengan keredhaan Allah.

Buah dari penghapusan dan penggantian dosa itu adalah keselamatan dari hukuman. Buah dari penyucian salah silap itu adalah rahmat dan darjat tinggi yang abadi. Dan buah pengangkatan ke darjat kewalian diiringi keredhaan Allah itu adalah khabar gembira dari Allah tentang keredhaan-Nya, pandangan (rahmat)-Nya, penziarahan para malaikat, dan penambahan dalam kesolehan.”

NASIHAT DALAM SEPULUH

1. Baginda Rasulullah bersabda: “Lazimilah bersiwak, kerana terdapat sepuluh kebaikan di dalamnya – ia membersihkan mulut; meredhakan Tuhan; memarahkan syaitan; dicintai oleh Yang Maha Merahmat dan oleh malaikat-malaikat penjaga; menguatkan gusi; menghapuskan kahak; menghilangkan bau busuk dari mulut; menerangkan mata; menghilangkan nafas busuk; dan ia merupakan sunnahku.” Baginda kemudian menambah: “Satu solat selepas bersiwak itu lebih baik berbanding 70 solat tanpanya.”

2. Abu Bakar as-Siddiq berkata: “Tiada hamba yang Allah berikan sepuluh sifat berikut melainkan dia akan diselamatkan dari semua jurang dan bencana, mencapai kedudukan orang-orang yang dekat dengan Allah, dan meraih martabat orang-orang warak – pertama adalah kejujuran diiringi hati yang berkecukupan; kedua adalah kesabaran sejati diiringi kesyukuran; ketiga adalah kemiskinan diiringi pelaziman kezuhudan; keempat adalah perenungan penuh khusyuk diiringi perut yang kosong;

Kelima adalah kesedihan yang berpanjangan diiringi ketakutan yang berterusan; keenam adalah bersusah-payah diiringi rendah diri; ketujuh adalah kelemahlembutan diiringi belas kasihan; kelapan adalah keabadian cinta kepada Allah diiringi rasa malu; kesembilan adalah ilmu yang bermanfaat diiringi sifat sabar; dan kesepuluh adalah iman yang kekal diiringi akal yang tidak berbolak-balik.”

3. 'Umar ibn al-Khattab berkata: "Sepuluh perkara itu tidak benar jika tanpa sepuluh yang lain – akal (kebijaksanaan) tidak benar tanpa adanya takwa (rasa bertuhan); ketinggian (jawatan) tidak benar tanpa adanya ilmu pengetahuan; kejayaan tidak benar tanpa adanya rasa takut; kuasa tidak benar tanpa adanya keadilan; nasab mulia tidak benar tanpa adanya adab; kegembiraan tidak benar tanpa adanya rasa selamat; harta tidak benar tanpa adanya kepemurahan; kemiskinan tidak benar tanpa adanya kebercukupan; kedudukan tinggi tidak benar tanpa adanya kerendahan hati; dan jihad tidak benar tanpa adanya bimbingan Allah."

4. 'Uthman ibn 'Affan berkata: "Terdapat sepuluh perkara yang paling sia-sia – iaitu ulama' yang tidak dijadikan tempat bertanya; ilmu yang tidak diamalkan; pendapat benar yang tidak diterima; senjata yang tidak diguna; masjid yang tiada orang bersolat di dalamnya; mushaf al-Qur'an yang tidak dibaca; kekayaan yang tidak dibelanja; kuda yang tidak ditunggang; ilmu kezuhudan oleh orang yang mengejar dunia; dan hayat lama yang tidak disiapkan bekalan untuk menghadapi kematian."

5. 'Ali ibn Abi Talib berkata: "Ilmu adalah warisan terbaik; akhlak mulia adalah pertukangan terbaik; iman adalah bekal terbaik; ibadah adalah muatan terbaik; amal soleh adalah bimbingan terbaik; sifat mulia adalah rakan terbaik; kelemahlembutan adalah penasihat terbaik; kebercukupan adalah harta terbaik; bantuan (Tuhan) adalah sekutu terbaik; dan kematian adalah guru terbaik."

6. Baginda Rasulullah bersabda: “Sepuluh golongan manusia dari umat ini adalah kuffar pada pandangan Allah namun merasa dirinya mukmin – pembunuh tanpa memiliki hak; pengamal sihir; penahan zakat; peminum arak; orang yang diwajibkan haji tetapi tidak melaksanakan; penyebar fitnah; penjual senjata kepada musuh; orang yang berhubungan dengan wanita melalui dubur; penzina dengan kerabat wanita yang haram dinikahi (mahram) – jika mereka menganggap perlakuan mereka itu halal, maka mereka telah murtad.”

7. Baginda Rasulullah bersabda: “Tiada hamba Allah di langit dan di bumi boleh menjadi mukmin melainkan dia tiba (pada keimanan kepada Allah yang sejati), dan dia tidak boleh tiba melainkan dia seorang Muslim, dan dia tidak boleh menjadi seorang Muslim melainkan dia seorang yang berilmu, dan dia tidak boleh menjadi seorang yang berilmu melainkan dia mengamalkan apa yang dia tahu, dan dia tidak boleh beramal dengan apa yang dia tahu melainkan dia seorang ahli zuhud,

Dan dia tidak boleh menjadi seorang ahli zuhud melainkan dia itu bertakwa (rasa bertuhan), dan dia tidak boleh bertakwa melainkan dia merendah diri, dan dia tidak boleh merendah diri melainkan dia mengenali dirinya sendiri, dan dia tidak boleh mengenali dirinya sendiri melainkan dia itu berakal dan berhati-hati dalam bercakap.”

8. Yahya ibn Muadz ar-Razi berkata:

"Wahai yang berdoa kepada Tuhannya dengan segala permohonan.
Dan yang berdoa agar di Darul Kalam ia ditempatkan.
Yang menangguh taubat saban tahun berterusan.
Aku lihat kamu bersikap tidak adil pada diri sendiri.
Hai yang tidak peduli! Andai puasanya kamu mengisi tiap hari.
Dan bersolat malam kamu teguh berdiri.
Dan makan minumnya kamu sekadar mencukupi.
Pasti kam akan layak meraih kemuliaan darjat yang tinggi.
Dan dikurnia kekuatan dari Yang Maha Mencipta.
Serta memperoleh kesenangan teragung anugerah Tuhan Pemurah Yang Maha Kaya.

9. Seorang penzuhud berkata: "Sepuluh sifat yang dibenci oleh Allah dari sepuluh jenis manusia – kebakhilan dari seorang kaya; keangkuhan dari seorang miskin; ketamakan dari seorang ulama'; kekurangan sifat malu dari seorang wanita; cinta dunia dari seorang yang berusia; kemalasan dari seorang pemuda; penindasan dari seorang pemerintah; sifat pengecut dari seorang pahlawan; bangga diri dari seorang ahli zuhud; dan riya' (menunjuk-nunjuk) dari seorang 'abid."

10. Baginda Rasulullah bersabda: "Kebaikan itu terletak dalam sepuluh bentuk; lima di dunia ini dan lima lagi di akhirat. Bagi kebaikan di dunia ini, ia adalah – ilmu, ibadah, rezeki halal, kesabaran ketika susah, dan syukur atas pemberian rahmat. Bagi kebaikan di akhirat, ia adalah – kedatangan Malaikat Maut kepada seorang mukmin dengan rasa

belas-kasih dan lemah-lembut; Munkar dan Nakir tidak menakutkan mereka dalam kubur; berasa selamat pada hari yang paling ditakuti (hari akhirat); penghapusan dosa dan penerimaan amal soleh; dan melepasi titian sirat seperti cahaya lalu memasuki syurga dengan aman."

11. Abul Fadl berkata: "Allah menamakan al-Qur'an dengan sepuluh nama – al-Qur'an; al-Furqan (pemisah); al-Kitab; at-Tanzil (yang diturunkan); al-Huda (pembimbing); an-Nur (cahaya); ar-Rahmah (belas kasih); asy-Syifa' (penyembuh); ar-Ruh (jiwa); dan adz-Dzikr (pengingatan). Bagi nama al-Qur'an, al-Furqan, al-Kitab, at-Tanzil, ia dikenali sebagaimana al-Huda, an-Nur, ar-Rahmah wal-Syifa'. Allah berfirman: "Wahai sekalian manusia! Peringatan telah datang dari Tuhan kamu dan Penyembuh bagi yang di dalam hati, dan Pembimbing dan Rahmat buat Mukmin." "Dan dari Allah telah datang kepada kamu Cahaya dan pemberitahuan." Bagi ar-Ruh, Allah berfirman: "Dan Kami mewahyukan kepada kamu ar-Ruh dari perintah Kami." Dan bagi adz-Dzikr, Dia berfirman: "Dan Kami mewahyukan kepada kamu peringatan untuk menjelaskan kepada manusia."

12. Luqman berkata kepada anaknya: "Kebijaksanaan terletak dalam pelaksanaan sepuluh perkara – menghidupkan hati yang mati; duduk bersama orang-orang yang memerlukan; menjauhi dari perkumpulan raja; memuliakan orang yang merendah diri; memerdekakan hamba sahaya; memberi khidmat kepada orang asing; mengayakan orang-orang miskin; dan memuliakan orang kehormat.

Perkara-perkara ini lebih baik berbanding harta; merupakan pelindung dari ketakutan; merupakan senjata dalam perang; merupakan barang dagang pada masa perdagangan; merupakan pembantu apabila ditimpa ketakutan; merupakan isyarat keimanan memasuki hati; dan merupakan penutup apabila tiada pakaian yang boleh menutup seseorang (pada hari akhirat)."

13. Seorang ahli zuhud berkata: "Dipertanggungjawabkan ke atas orang yang berakal (bijaksana) supaya melakukan sepuluh perkara apabila bertaubat – meminta pengampunan dengan lisan; menyesali dengan hati; meninggalkan perbuatan dosa dengan tubuh; bertekad tidak lagi kembali kepada perbuatan itu; mencintai akhirat; membenci dunia; mengurangkan percakapan; mengurangkan makan dan minum agar dapat abadikan diri untuk ilmu dan ibadah; dan mengurangkan tidur. Allah yang Maha Agung berfirman: "Sedikit mereka tidur di malam hari, dan pada awal subuh mereka meminta pengampunan."

14. Anas ibn Malik berkata: "Setiap hari bumi menyeru tentang sepuluh perkara dengan berkata: "Wahai anak Adam! Kamu bersungguh-sungguh di atas permukaanku dan destinasi kamu adalah perutku; kamu mengingkari Allah di atas permukaanku dan kamu akan dihukum atas perbuatan itu di dalam perutku; kamu bergelak ketawa di atas permukaanku dan kamu akan menangis di dalam perutku; kamu bergembira di atas permukaanku dan kamu akan bersedih di dalam perutku; kamu mengumpulkan harta di atas

permukaanku dan kamu akan menyesali pengumpulannya di dalam perutku; kamu angkuh di atas permukaanku dan kamu akan dihinakan di dalam perutku; kamu berjalan dengan takbur di atas permukaanku dan kamu akan jatuh teruk di dalam perutku; kamu berjalan di dalam cahaya di atas permukaanku dan kamu akan berada dalam kegelapan di dalam perutku; dan kamu berjalan penuh sesak dalam perkumpulan besar di atas permukaanku dan kamu akan keseorangan di dalam perutku."

15. Baginda Rasulullah bersabda: "Barangsiapa banyak ketawa akan ditimpakan sepuluh perkara – hatinya akan mati; dia akan kekurangan rasa malu dan mulia (wibawa); syaitan akan ketawakannya; Allah akan murka kepadanya; dia akan dihisab pada hari akhirat; Nabi akan berpaling darinya pada hari akhirat; para malaikat akan melaknatnya; penghuni langit dan bumi akan membencinya; dia akan lupa segalanya; dan dia akan didedahkan (aibnya) pada hari akhirat."

16. Al-Hasan al-Basri berkata: "Suatu hari, aku berjalan bersama seorang pemuda warak di jalan sempit yang terletak di Basra dan pasar-pasaranya, hinggalah kami temui seorang tabib duduk di atas kerusi dan di sekelilingnya terdapat ramai lelaki, wanita dan kanak-kanak yang memegang botol air. Setiap seorang dari mereka mahukan penawar sakitnya. Pemuda iu mendekati tabib dan bertanya kepadanya, "Wahai tabib! Adakah kamu memiliki ubat yang membersihkan dosa dan merawat penyakit (rohani) hati?" Tabib itu membalas, "Iya!" Pemuda itu pun berkata: "Berikan kepada saya."

Tabib itu berkata: "Ambillah sepuluh perkara ini daripada saya – ambil akar-akar pokok kemiskinan bersama akar-akar pokok kerendahan diri, dan tuangkannya ke dalam susu pertaubatan. Kemudian, letakkannya di dalam lepa penerimaan (terhadap ketentuan rezeki), hancurkannya dengan alu penumbuk kebercukupan. Kemudian, letakkannya ke dalam periuk iman, tuangkan ke atasnya air rasa malu. Kemudian, didihkannya dengan api cinta. Selepas itu, letakkannya ke dalam cawan kesyukuran dan sejukkannya dengan kipas harapan. Kemudian, minumnya dengan sudu pujian. Jika kamu lakukan semua itu, maka ia akan merawat kamu dalam setiap penyakit dan dugaan di dunia dan akhirat."

17. Diperkatakan bahawa seorang raja mengumpulkan lima orang ulama dan ahli zuhud lalu mengarahkan setiap seorang dari mereka untuk memberikan kata-kata hikmah. Maka, setiap seorang pun berbicara dan memberikan dua ayat hikmah justeru jadilah ia berjumlah sepuluh.

Yang pertama berkata: "Takutkan Pencipta itu keselamatan dan berasa selamat (dari kemurkaan-Nya) adalah ketiadaan iman. Rasa selamat dari makhluk adalah kebebasan dan takutkan mereka itu adalah penghambaan."

Yang kedua berkata: "Berharap dari Allah itu adalah kekayaan yang tiada kemiskinan dapat membahayakannya. Hilang harap dari-Nya itu adalah kemiskinan yang tiada harta dapat mengubahnya."

Yang ketiga berkata: “Kemiskinan dalam pemilikan dunia tidak membahayakan seorang yang kaya hati (qana’ah) dan kekayaan dalam pemilikan dunia tidak memanfaatkan seorang yang miskin pada hati (tamak).”

Yang keempat berkata: “Kepemurahan itu tidak menambahkan kekayaan hati melainkan dalam kekayaan, dan kemiskinan hati (tamak) itu tidak menambah kekayaan dalam pemilikan kebendaan kecuali dalam kemiskinan.”

Yang kelima berkata: “Ambil sedikit dari kebaikan itu lebih baik berbanding meninggalkan banyak dari kejahatan. Dan meninggalkan seluruh kejahatan itu lebih baik berbanding mengerjakan sedikit amal kebaikan.”

18. Baginda Nabi bersabda: “Terdapat sepuluh perkara yang dipertanggungjawabkan ke atas seseorang yang memasuki masjid – mencabut kasut; memasuki dengan kaki kanan; mengucapkan “Dengan nama Allah dan selawat ke atas Rasulullah dan para Malaikat Allah. Wahai Allah, bukakanlah untuk kami pintu-pintu rahmat-Mu, sesungguhnya Engkaulah yang Maha Memberi” ketika hendak masuk; mengucapkan salam kepada ahli-ahli masjid atau jika tiada sesiapa di dalamnya maka mengucapkan, “Salam sejahtera ke atas kami dan hamba-hamba Allah yang soleh”; mengucapkan, “Aku bersaksi tiada Tuhan selain Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah”; tidak melintas di hadapan orang yang sedang solat; tidak terlibat dalam kelakuan atau

perbualan dunia; tidak keluar tanpa solat dua rakaat; tidak masuk tanpa wuduk; dan ketika hendak keluar maka mengucapkan, "Keagungan dan kepujian buat-Mu wahai Allah! Aku bersaksi tiada Tuhan selain Engkau, aku meminta pengampunan-Mu dan bertaubat kepada-Mu."

19. Abu Hurairah meriwayatkan bahawa baginda Nabi bersabda:
"Solat itu adalah tiang agama dan di dalamnya terdapat sepuluh kebaikan – iaitu kecantikan buat wajah; cahaya buat hati; istirahat buat badan; pelepasan dari kesendirian di dalam kubur; pengundang rahmat; anak kunci syurga; pemberat mizan; menjemput keredhaan Allah; mahar syurga; pelindung dari neraka; pelaksananya telah menegakkan agama; dan peninggalnya telah meruntuhkan agama."

20. 'Aisyah meriwayatkan bahawa baginda Nabi bersabda: "Bilamana Allah berkehendak untuk membenarkan ahli-ahli syurga memasuki syurga, maka Dia akan menghantar malaikat kepada mereka dengan membawa hadiah pakaian dari syurga. Apabila mereka hendak memasuki syurga, para malaikat akan berkat akepada mereka, "Tunggu, di sisi aku terdapat hadiah dari Tuhan sekalin Alam."

Mereka akan bertanya, "Apakah hadiahnya?" Malaikat akan menjawab, "Hadiahnya adalah sepuluh mohor – pada mohor yang pertama tertulis "Sejahtera ke atas kamu! Kamu telah berbuat baik, maka masuklah (ke dalam syurga yang indah) untuk menghuninya." Pada mohor yang kedua tertulis, "Segala kesedihan dan kerisauan kamu telah dihapuskan."

Pada mohor yang ketiga tertulis, “Dan inilah kebun yang diberikan kepada kamu sebagai ganjaran atas amal kamu.” Pada mohor yang keempat tertulis, “Kami berikan pada kamu perhiasan dan pakaian cantik untuk dipakai.” Pada mohor yang kelima tertulis, “Kami akan menikahkan mereka dengan Hur (bidadari) yang memiliki mata yang cantik lagi lebar” dan “Aku telah mengurniakan ganjaran kepada mereka pada hari ini kerana mereka telah bersabar dan merekalah orang-orang yang berjaya.”

Pada mohor yang keenam tertulis, “Inilah ganjaran buat kamu pada hari ini atas amal-amal soleh yang telah kamu kerjakan.” Pada mohor yang ketujuh tertulis, “Kamu telah kembali kepada usia muda kamu dan kamu tidak akan lagi menjadi tua.” Pada mohor yang kelapan tertulis, “Kamu berada dalam lindungan yang kekal abadi dan tidak lagi perlu berasa takut.” Pada mohor yang kesembilan tertulis, “Kamu akan digolongkan bersama dengan para nabi, orang-orang benar, syuhada’ dan solihin.” Pada mohor yang kesepuluh tertulis, “Kamu akan menghuni (di syurga) di sisi Tuhan yang Maha Merahamati yang Memiliki Arasy yang Agung.”

Para malaikat kemudian akan berkata, “Masuklah dengan aman dan selamat.” Lantas mereka pun memasuki syurga dan berkata, “Segala puji bagi Allah yang menghapuskan kerisauan kami. Sungguh, Tuhan kami itu Maha Pengampun lagi Maha Pemurah.” “Segala puji bagi Allah yang benar pada janji-Nya dan memperkenankan kami untuk mewarisi bumi ini... maka inilah ganjaran bagi orang-orang yang berusaha.”

Dan apabila Allah berkehendak untuk menghumban ahli neraka ke dalam neraka, maka Dia akan menghantar malaikat kepada mereka dengan membawa sepuluh mohor.. Pada mohor yang pertama tertulis, "Masuklah (ke dalam) dan kamu tidak akan lagi mati, atau dihidupkan lagi, atau bahkan keluar daripadanya." Pada mohor yang kedua tertulis, "Berlama-lamalah kamu dalam hukuman. Tidak akan ada lagi istirahat buat kamu."

Pada mohor yang ketiga tertulis, "Mereka telah berputus-asa dari rahmat-Ku." Pada mohor yang keempat tertulis, "Masuklah (ke dalam) bersama perasaan cemas, risau dan duka yang kekal abadi." Pada mohor yang kelima tertulis, "Pakaian-pakaianmu adalah api. Makanan kamu adalah dari pokok berduri lagi tersangat pahit yang tumbuh di dasar neraka (zaqqum). Minuman kamu adalah cecair yang mendidih. Dan perbaringan dan selimut kamu adalah neraka."

Pada mohor yang keenam tertulis, "Inilah balasan buat kamu pada hari ini kerana telah mengingkari Aku." Pada mohor yang ketujuh tertulis, "Kemurkaan-Ku akan jatuh pada kamu di neraka buat selama-lamanya." Pada mohor yang kelapan tertulis, "Kamu dilaknat kerana dosa-dosa besar yang kamu lakukan dengan sengaja dan kerana kamu tidak pernah bertaubat dan menyesal." Pada mohor yang kesembilan tertulis, "Rakan kamu yang abadi di neraka ialah syaitan." Pada mohor yang kesepuluh tertulis, "Kamu mengikuti (jalan) syaitan, berkehendakkan dunia dan mengabaikan akhirat. Maka inilah balasan untuk kamu."

21. Seorang ahli zuhud berkata: "Aku mencari sepuluh perkara dalam sepuluh tempat dan menjumpainya dalam sepuluh yang lain – aku mencari pengangkatan (darjat) dalam keangkuhan tetapi menjumpainya dalam kerendahan diri. Aku mencari ibadah dalam solat tetapi menjumpainya dalam kezuhudan. Aku mencari kecerahan hati dalam solat secara terang-terangan pada siang hari tetapi menjumpainya dalam solat secara sembunyi-sembunyi pada malam hari. Aku mencari cahaya (di akhirat kelak) dalam perbuatan memberi dan sifat murah hati tetapi menjumpainya dalam dahaga dan berpuasa.

Aku mencari keizinan untuk melintasi sirat dalam pengorbanan haiwan (untuk diberi makan pada orang miskin) tetapi menjumpainya dalam sedekah. Aku mencari perlindungan dari neraka dalam amal-amal yang mubah tetapi menjumpainya dalam meninggalkan nafsu kehendak. Aku mencari kecintaan kepada Allah dalam dunia tetapi menjumpainya dalam zikir-Nya. Aku mencari kebaikan dalam majlis perkumpulan tetapi menjumpainya dalam penyendirian. Dan aku mencari kebersihan hati dalam ceramah dan pembacaan al-Qur'an tetapi menjumpainya dalam permuhasabahan diri dan penangisan."

22. Ibn 'Abbas berkata: "Sepuluh perkara berikut adalah sunnah yang mana lima daripadanya terkait dengan kepala dan lima yang lain pada tubuh badan – bagi kepala, ia adalah: menggunakan siwak, membasuh mulut, membasuh hidung, memendekkan misai dan mencukur kepala. Bagi tubuh badan, ia adalah: mencabut bulu ketiak, mengetip kuku, mencukur bulu ari-ari, berkhatan, dan bersuci (selepas membuang hajat).

23. Ibn 'Abbas berkata: "Barangsiapa berselawat ke atas baginda Nabi, maka Allah akan menghantar sepuluh selawat ke atasnya. Dan barangsiapa menghina Nabi sekali, maka Allah akan menghinanya sepuluh kali. Tidakkah kamu mendengar firman Allah mengenai al-Walid ibn al-Mughirah apabila dia menghina Nabi sekali dan Allah menghinanya sepuluh kali dengan berfirman"

"Tiada ketaatan kepada lelaki keji – sebarangan mengangkat sumpah, pemfitnah, gemar menjatuhkan orang lain, penghalang kebaikan, pelanggar hukum, pemaksiat, tidak luhur peribadinya, dan yang paling penting anak zina; kerana dia miliki harta dan anak yang ramai. Mereka yang apabila dibacakan wahyu-wahyu Kami kepada mereka, mereka berkata, "Ini tidak lain adalah dongeng orang-orang terdahulu." Ia bermaksud mereka menolak al-Qur'an."

24. Ibrahim ibn Adham ditanya mengenai firman Allah: "Dan Tuhanmu berfirman, berdoalah kepada-Ku dan Aku akan menjawab doamu," "Kami berdoa tetapi doa kami tidak diterima!" Beliau menjawab: "Hati kamu mati kerana sepuluh perkara – iaitu kamu mengenali Allah tetapi tidak memenuhi hak-Nya; kamu membaca kitab Allah tetapi tidak patuh kepadanya; kamu mendakwa permusuhan terhadap syaitan tetapi menjadikannya sebagai penjaga dan pelindung kamu; kamu mendakwa cintakan Rasulullah tetapi kamu meninggalkan jalan dan sunnahnya; kamu mendakwa cintakan syurga tetapi kamu tidak berusaha untuknya; kamu mendakwa takutkan neraka tetapi tidak berhenti melakukan dosa;

Kamu mendakwa kamu beriman bahawa mati itu pasti tetapi kamu tidak mempersiapkan diri untuknya; kamu menyibukkan diri dengan kesalahan orang lain dan mengabaikan kesalahan sendiri; kamu makan dari rezeki yang Allah berikan tetapi kamu tidak bersyukur; dan kamu mengebumikan jenazah tetapi kami tidak mengambil pelajaran daripadanya."

25. Baginda Nabi bersabda: "Mana-mana hamba Allah sama ada dia lelaki atau wanita yang berdoa dengan doa ini – yang terdiri dari sepuluh rangkap yang dikarang pada hari 'Arafah dan dibacanya sebanyak 1000 kali – maka dia tidak akan meminta sesuatu daripada Allah melainkan Dia akan memberikan permintaan itu kepadanya, memberikan apa yang tidak didoakannya, menguatkan ikatan kekerabatannya atau menghindarkannya dari amal-amal ingkar.

Iaitu yang pertama, berdoa dengan keagungan Tuhan yang Aras-Nya di langit; berdoa dengan keagungan yang pentadbiran dan kekuasaan-Nya di bumi; berdoa dengan keagungan Tuhan yang ilmu-Nya di dalam rahim-rahim; berdoa dengan keagungan bagi Tuhan yang perintah-Nya di dalam kubur; berdoa dengan keagungan Tuhan yang meninggikan langit tanpa tiang; berdoa dengan keagungan Tuhan yang meluaskan bumi; berdoa dengan keagungan Tuhan yang tiada perlindungan atau keselamatan kecuali pada-Nya."

26. Ibn 'Abbas meriwayatkan bahawa pada suatu hari baginda Rasulullah berkata kepada syaitan: "Berapa banyak jenis manusia yang kamu cintai dari umatku?" Syaitan berkata: "Sepuluh – iaitu pemerintah yang zalim; orang-orang yang sombong; orang kaya yang tidak mengambil berat dari mana mereka memperoleh harta dan tidak juga ke mana ia dibelanjakan; ulama' yang mencari alasan untuk menindas pemerintah; pedagang yang menipu; orang yang memonopoli barang dagangan; ahli zina; orang yang berurusan dalam riba; orang bakhil yang tidak peduli bagaimana cara dia menompokkan hartanya; dan peminum arak."

Baginda Nabi kemudian bertanya, "Berapa banyak jenis manusia yang kamu musuhi dari umatku?" Syaitan berkata: "Dua puluh – yang pertama adalah kamu wahai Muhammad. Aku benar-benar bencikan kamu; (Kemudian) ulama' yang mengamalkan ilmunya; orang yang menghafal al-Qur'an dan memenuhi suruhannya; muadzin bagi solat lima waktu yang mengumandangkan azan demi Allah;

Orang yang mencintai golongan miskin, memerlukan dan yatim; orang yang mempunyai hati yang berbelas-kasih; orang yang merendahkan dirinya di hadapan pintu kebenaran (Allah); pemuda yang tumbuh membesar dalam ketaatan kepada Allah; orang yang makan hanya dari sumber yang halal; dua pemuda yang saling mengasihi kerana Allah; orang yang sentiasa bersemangat dalam mengerjakan solat berjemaah; orang yang melaksanakan solat malam ketika manusia sedang tidur;

Orang yang menahan nafsunya dari melakukan yang haram; orang yang menasihati (atau dalam riwayat lain, mendoakan) saudaranya tanpa sebarang niat lain dalam hatinya; orang yang selalu dalam keadaan berwuduk; orang yang beriman kepada apa yang dijamin oleh Allah untuknya; orang yang berbuat baik kepada para janda; dan orang yang mempersiapkan diri untuk mati."

27. Wahab ibn Munabbih berkata: "Tertulis di dalam kitab Taurat: "Barangsiapa menyiapkan bekal (untuk hari akhirat) semasa berada di dunia, maka dia akan selamat dari hukuman Allah pada hari akhirat. Barangsiapa meninggalkan hasad dengki, maka dia akan dipuji pada hari akhirat di hadapan seluruh makhluk. Barangsiapa meninggalkan cinta terhadap ketinggian jawatan, maka dia akan dimuliakan pada hari akhirat di hadapan Raja yang Maha Berkuasa.

Barangsiapa meninggalkan urusan dunia yang berlebihan, maka dia akan digolongkan dalam kalangan orang-orang soleh. Barangsiapa meninggalkan pertelagahan di dunia, maka dia akan digolongkan dalam kalangan orang-orang yang berjaya pada hari akhirat. Barangsiapa meninggalkan kebakhilan di dunia, maka namanya akan disebut di hadapan seluruh makhluk pada hari akhirat.

Barangsiapa meninggalkan istirahat di dunia, maka dia akan berbahagia pada hari akhirat. Barangsiapa meninggalkan apa yang dilarang di dunia, maka dia akan digolongkan bersama para Nabi pada hari akhirat.

Barangsiapa meninggalkan dari melihat hal yang dilarang di dunia, maka matanya akan diindahkan oleh Allah di dalam syurga. Barangsiapa meninggalkan kekayaan dan memilih kemiskinan di dunia, maka dia akan ditinggikan oleh Allah dalam kalangan orang-orang yang dicintai-Nya dan para Nabi Allah. Barangsiapa membantu orang lain dalam memenuhi keperluan mereka, maka dia akan dibebaskan dari segala keperluannya oleh Allah di dunia dan akhirat.


Barangsiapa berhajat unuk mendapatkan teman di dalam kubur, maka hendaklah dia bangun pada kegelapan malam dan bersolat. Barangsiapa berhajat untuk dinaungi oleh Arasy ar-Rahman, maka hendaklah dia menjadi ahli zuhud. Barangsiapa berhajat agar hisabnya dipermudahkan, maka hendaklah dia menasihati diri dan saudaranya.

Barangsiapa berhajat agar para malaikat menjadi penziarahnya, maka hendaklah dia bertakwa (rasa bertuhan). Barangsiapa berhajat untuk hidup dalam kebahagiaan di syurga, maka hendaklah dia mengingati Allah siang dan malam. Barangsiapa berhajat memasuki syurga tanpa sebarang hisab, maka hendaklah dia bertaubat kepada Allah dengan taubat nasuha. Barangsiapa berhajat untuk menjadi kaya, maka hendaklah dia berasa berkecukupan dengan apa yang telah ditentukan oleh Allah kepadanya. Barangsiapa berhajat untuk menjadi seorang yang faham (arifin) pada pandangan Allah, maka hendaklah dia takut kepada Allah.

Barangsiapa berhajat untuk menjadi ahli hikmah (bijaksana), maka hendaklah dia mencari ilmu. Barangsiapa berhajat untuk selamat dari manusia, maka hendaklah dia tidak bercakap mengenai orang lain melainkan dengan kebaikan dan mengambil pelajaran dari dirinya sendiri serta bermuhasabah akan mengapa dan daripada apa dia diciptakan.

Barangsiapa berhajat mendapatkan kemuliaan dan ketinggian maruah di dunia dan akhirat, maka hendaklah dia mengutamakan akhirat berbanding dunia. Barangsiapa berhajat untuk meraih Firdaus (syurga tertinggi) dan kebahagiaan tanpa batasan, maka hendaklah dia tidak persia-siakan hidupnya dalam kejahatan di dunia.

Barangsiapa berhajat mendapatkan syurga di dunia dan akhirat, maka hendaklah dia melalui jalan orang-orang pemurah kerana orang yang pemurah itu hampir dengan syurga dan jauh dari neraka. Barangsiapa berhajat agar hatinya diterangi dengan cahaya hakiki, maka hendaklah dia lazim bermuhasabah dan mengambil ibrah (pelajaran dari kehidupan dan penciptaan). Barangsiapa berhajat untuk memiliki tubuh yang sabar menahan susah, lidah yang berterusan berzikir kepada Allah dan hati yang takut kepada-Nya, maka hendaklah dia lazim mencari pengampunan dari para mukminin, mukminat, muslimin dan muslimat."



DOA MENUTUP BACAAN ILMU

رَبَّنَا أنْفَعْنَا بِمَا عَلَّمْتَنَا رَبِّ عَلَّمْنَا الَّذِي يَنْفَعُناٍ

رَبِّ فَقِّهْنَا وَفَقِّهْ أَهْلَنَا وَقَرَاَبَاتِ لَنَا فِي دِينِنَاَ

مَعَ أَهْلِ الْقُطْرِ أُنْثَى وَذَكَرْ

Ya Allah, berilah kami manfaat dengan apa yang telah kami pelajari. Ya Allah, berikanlah ilmu yang bermanfaat kepada kami.

Ya Allah, berikanlah kefaqihan kepada kami, keluarga kami, dan kerabat-kerabat kami dalam agama kami,

Serta penghuni negeri ini baik perempuan mahupun lelaki.

رَبِّ وَفِّقْنَا وَ وَفِّقْهُمْ لِمَا تَرْتَضِى قَوْلًا وَفِعْلًا كَرَمَا

وَارْزُقِ الْكُلَّ حَلَالًا دَائِمَا وَ أَخِلَّاءَ اتْقِيَاءَ عُلَمَا

نَحْظَى بِالْخَيْرِ وَنُكْفَى كُلَّ شَر

Ya Allah, berilah petunjuk kepada kami dan kepada mereka... sesuatu yang Engkau redhai, baik ucapan mahupun perbuatan mulia.

Berikanlah kepada kami segala rezeki yang halal selamanya dan hiasilah kami dengan takwanya para ulama.

Semoga kami diberi keuntungan dengan kebaikan dan pencegahan dari setiap yang buruk.

رَبَّنَا اَصْلِحْ لَنَا كُلَّ الشُّؤُون   وَأَقِرَّ بِالرِّضَا مِنْكَ الْعُيُون
وَاقْضِ عَنَّا رَبَّنَا كُلَّ الدُّيُون   قَبْلَ أَنْ تَأْتِيَنَا رُسْلُ الْمَنُون
وَاغْفِرِ اسْتُرْ أَنْتَ أَكْرَمْ مَنْ سَتَر

Ya Allah, berikanlah kebaikan kepada kami atas setiap urusan. — berikanlah kesejukan mata hati kami dengan keredhaan-Mu.
Mudahkanlah kami duhai Rabb, dalam membayar setiap hutang, — sebelum datang kepada kami pencabut nyawa.
Dan ampuni serta tutupilah aib kami,
sesungguhnya Engkau semulia-mulia Dzat yang Maha Menutupi.

وَصَلَاةُ اللّٰهِ تَغْشَى الْمُصْطَفَى   مَنْ إِلَى الْحَقِّ دَعَانَا وَالْوَفَا
بِكِتَابٍ فِيهِ لِلنَّاسِ شِفَا   وَعَلَى الْألِ الْكِرَامِ الشُّرَفَا
وَعَلَى الصَّحْبِ الْمَصَابِيحِ الْغُرَر

Selawat Allah semoga tercurah kepada manusia pilihan, — yang mengajak kepada kebenaran dan kesempurnaan,
Dengan al-Quran yang terkandung penyembuhan buat manusia — dan juga atas keluarganya yang mulia dan bermartabat tinggi
Serta para sahabat sang lampu penerang yang bersinar.

أللَّهُمَّ اهْدِنَا بِهُدَاك — وَاجْعَلْنَا مِمَّنْ يُسَارِعُ فِى رِضَاك

وَلَا تُوَلّنَا وَلِيًّا سِوَاك — وَلَا تَجْعَلْنَا مِمَّن خَالَفَ أمْرَكَ وَعَصَاك

وَ حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيل — نِعْمَ الْمَوْلَى وَنِعْمَ النَّصِير

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِي الْعَظِيم — وَصَلّى اللّٰهُ عَلَى سَيّدِنَا مُحَمّد

وَ عَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلّم — وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِين

Ya Allah, bimbinglah kami dengan bimbingan-Mu. — *Golongkanlah kami dalam orang yang mengharap redha-Mu.*

Janganlah letakkan kami di bawah kepenguasaan selain Engkau. — *Janganlah golongkan kami dalam orang yang berpaling dari-Mu.*

Cukuplah Allah penolong kami dan sebaik-baik Dzat yang diserahi utusan, — *Dialah sebaik-baik Pelindung dan sebaik-baik Penolong.*

Tiada daya dan kekuatan untuk menjauhi maksiat kecuali dari Allah. — *Selawat dan salam dicucurkan kepada penghulu kami Muhammad*

dan atas keluarga serta para sahabatnya. — *Segala puji milik Allah Tuhan sekalian alam.*

DOA PENUTUP

يَا رَبَّانَا اْعْتَرَفْنَا   بِأنَّنَا اْعْتَرَفْنَا

*(Ya Rabbana' tarofna * Bi annana' tarofna)*

Ya Tuhan kami, kami mengakui * Bahawa kami dipenuhi dosa

وَأنَنَا أَسْرَفْنَا   عَلَى لَظَى أَشْرَفْنَا

*(Wa annana asrofna * 'ala lazho ashrofna)*

Dan sesungguhnya kami melampaui batas * Sehingga tidak terasa hampirnya kami kepada neraka

فَتُبْ عَلَيْنَا تَوْبَة   تَغْسِلْ لِكُلِّ حَوْبَة

*(Fatub 'alaina taubah * Taghsil likulla haubah*

Maka ampunilah kami dengan taubat * Yang dapat membasuh semua dosa kami

وَاْسْتُرْ لَنَا اْلْعَوْرَاتِ   وَآمِنِ اْلرَّوْعَاتِ

*(Wasturlanal 'auroti * Wa aaminir rau'ati)*

Tutupilah semua aib kami * Dan tenteramkanlah semua ketakutan dan kegelisahan kami

وَاْغْفِرْ لِوَالِدِينَا   رَبِّ وَمَوْلُودِينَا

*(Waghfir liwalidina * Rabbi wa mauludina)*

Dan ampunilah orang tua kami * Ya tuhanku, dan juga semua anak cucu kami

وَالْأَهْلِ وَالْإِخْوَانِ وَسَائِرِ الْخِلَّانِ

*(Wal ahli wal ikhwani * Wa sairil khillani)*

Dan semua keluarga, serta semua saudara kami * Dan semua sahabat karib kami

وَكُلَّ ذِي مَحَبَّة أَوْ جِيرَةٍ أَوْ صُحْبَة

*(Wa kulla dzi mahabbah * Au jiratin au suhbah)*

Dan semua orang yang mencintai kami kerana Allah * Atau yang mempunyai hubungan tetangga atau persahabatan

وَالْمُسْلِمِينَ أَجْمَعْ آمِينَ رَبِّي اسْمَعْ

*(Wal muslimini ajma' * Aamina rabbi isma')*

Dan orang-orang Muslim seluruhnya * Ya Tuhan kami, terimalah dan kabulkanlah doa kami

فَضْلًا وَجُوداً مَنَّا لَا بِاكْتِسَابٍ مِنَّا

*(Fadhlan wujudan manna * La biktisabim minna)*

Dengan keutamaan, kemurahan dan kurnia-Mu * Bukan dengan hasil usaha kami

بِالْمُصْطَفَى الرَّسُولِ نَحْظَى بِكُلِّ سُولِ

*(Bil mustofar rasuli * Nahzho bikulli suli)*

Dengan wasilah Rasul yang terpilih * Dalam setiap permohonan kami diijabahi

صَلَّـى وَسَلَّم رَبِّـي   عَلَيْهِ عَدَّ ٱلْحَبِّ

*(Solla wa sallam rabbi * 'Alaihi 'addal habbi)*

Semoga Tuhan kami mencurahkan rahmat dan salam * Pada Rasulullah sebanyak bijian

وَآلِـهِ وَٱلصَّحْبِ   عِدَادَ طَشِّ ٱلسُّحْبِ

*(Wa aalihi wassohbi * 'Idada thosshis suhbi)*

Dan pada keluarga dan para sahabat baginda * Sebanyak curahan hujan dari awan mendung

وَٱلْحَمْدُ لِـلْإِلَـهِ   فِي ٱلْبَدْءِ وَٱلتَّنَاهِي

*(Wal hamdu lil ilahi * Fil bad'i wattanahi)*


Segala puji kepunyaan Allah * Di awal dan akhir




ڤوستاك كتبخانه

SARI BEKALAN

MENUJU HARI PENGADILAN



Buku ini merupakan himpunan kata-kata hikmah yang dipetik daripada baginda Nabi, para sahabat, alim-ulama serta zahidin dahulu-kala. Merenungi kata-kata tersebut dan mengambil nasihat-nasihatnya boleh membantu kita dalam memperteguhkan kesedaran dan persiapan bagi menuju Hari Pengadilan, hari di mana setiap seorang daripada kita dihimpunkan untuk menjalani timbangan amal.

Sememangnya, kita sangat memerlukan nasihat sebegini, kerana Hari Pengadilan kita tidaklah bermula ketika dunia ini dilanda kiamat. Akan tetapi, Hari Pengadilan kita bermula apabila datangnya ajal.

Semoga penterjemahan buku ini dapat menghadirkan kemanfaatan kepada kita semua di samping memperoleh pengabulan di sisi Allah SWT.

